

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**PENYATA RASMI (HANSARD)  
MESYUARAT PERTAMA  
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

**[DRAF AWAL]**

**HARI SABTU  
7 RAMADAN 1446  
BERSAMAAN 8 MAC 2025  
(HARI KETUJUH)**

**DEWAN MAJLIS**

Hari Sabtu, 7 Ramadan 1446 / 8 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**HADIR:**

**YANG DI-PERTUA:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.  
Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya’akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

**TIDAK HADIR:**

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

**HADIR BERSAMA:**

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Awang Haji Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

**Yang Mulia Jurutulis:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketujuh, pada hari ini Sabtu, 7 Ramadan 1446 bersamaan 8 Mac 2025 didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

**(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala

kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul hadir pada hari ini untuk bersidang bagi hari ketujuh dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan kita Saiyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan Urusan-Urusan Mesyuarat seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Waktu pertanyaan bagi jawab lisan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum memulakan waktu pertanyaan ini saya ingin memaklumkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa saya akan membenarkan bagi dua soalan tambahan, *supplementary questions* kepada khususnya bagi yang bertanya, Ahli Berhormat yang bertanya dulu dan sekiranya Ahli yang bertanya tidak mahu bertanya lagi maka Ahli Berhormat yang lain bolehlah bertanya.

Yang Berhormat Menteri juga telah memohon untuk menjawab atau memberikan penerangan yang lanjut kepada soalan-soalan tambahan secara bertulis.

Saya memulakan soalan pertama iaitu dari Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam yang

ditujukan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam tujuh ramadan. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Bersama kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana melimpahkan rahmat dan mengizinkan kita bersidang di Dewan Mulia ini dan menjalani ibadah puasa masuk hari ketujuh pada hari ini. Bersama kita berdoa bagi kita terus dipermudahkan hingga ke penghujung ramadan nanti dan dikurniakan dengan kerahmatan dan keredhaan serta keampunan. Amin ya rabbal alamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terlebih dahulu kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam atas pertanyaan mengenai punca penurunan *Government Effectiveness Index* dan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam, 3PSA serta strategi untuk mempertingkatkan tadbir urus yang baik dan kecemerlangan perkhidmatan awam.

Dalam kesempatan ini juga, kaola turut merujuk dan mengucapkan terima kasih terhadap pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman mengenai peranan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, MSD dalam menambah baik kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati orang ramai serta tindakan yang sedang diambil dengan mengambil kira pembaharuan dan pengemaskinian dalam perkhidmatan agar kekal relevan.

Izinkan kaola untuk memberikan penerangan secara menyeluruh sebagai respons kepada kedua pertanyaan berkenaan yang mana berkaitan dengan peranan Jabatan Perdana Menteri khasnya Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, MSD dalam mengukuhkan tadbir urus Perkhidmatan Awam serta meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh tentang kedudukan negara dalam *Government Effectiveness Index*, GEI. GEI bukan saja bukan mengukur persepsi terhadap kualiti terhadap penyampaian Perkhidmatan Awam malah merangkumi pelbagai bidang dan skop seperti pendidikan, infrastruktur kesihatan dan tenaga.

Merujuk kenyataan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, berhubungan dengan laporan GEI mengenai kedudukan negara menurun ke kedudukan ke-22 pada tahun 2023 berbanding pada kedudukan Ke-20 pada tahun 2022. Jabatan Perdana Menteri mengambil baik mengenai laporan ini, walau bagaimanapun di samping skop penilaian yang melangkaui sektor Perkhidmatan

Awam khasnya, hasil penelitian mendapati bahawa sumber data-data yang diguna pakai adalah tidak lengkap, maka penilaian tersebut adalah tidak inklusif.

Mengenai penurunan pencapaian 3PSA yang hanya menunjukkan 17 peratus, agensi mencapai tahap baik. Kaola ingin mengongsikan bahawa berdasarkan kepada statistik 3PSA daripada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, bahawa sehingga Tahun Kewangan 2023/2024 sebanyak 48 agensi telah dinilai dan pencapaian agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, 2 agensi iaitu sebanyak 4 peratus mendapat 4 bintang iaitu tahap sangat baik. 6 agensi iaitu sebanyak 13 peratus mendapat 3 bintang iaitu tahap bintang baik. 14 agensi iaitu sebanyak 29 peratus mendapat 2 bintang iaitu tahap memuaskan. Dan 26 agensi, 54 peratus mendapat 1 bintang iaitu memerlukan pembaikan.

Secara ringkasnya, terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada pencapaian agensi-agensi yang dinilai dan memerlukan penambahbaikan antaranya hala tuju perancangan strategik yang tidak selaras dengan objektif dasar, pengurusan dan penggunaan sumber manusia yang kurang berkesan dan pengumpulan dan penggunaan data yang kurang berkesan sebagai asas penilaian secara *evidence and results-based*. Dalam hubungan ini, pihak MSD akan terus mengadakan perjumpaan susulan bersama agensi-agensi dinilai dalam sama-sama

memastikan pelaksanaan cadangan-cadangan pembaikan yang telah dikenal pasti oleh pihak MSD melalui pendekatan 3PSA.

Menyentuh strategi Kementerian dalam mempertingkatkan tadbir urus yang baik dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam, kaola ingin merumuskan usaha-usaha yang dirancang dan sedang dilaksanakan kepada 3 aspek utama.

Aspek pertama ialah berkaitan pembangunan sumber manusia. Pengukuhan sumber manusia adalah keutamaan dalam membangunkan Perkhidmatan Awam yang berkualiti. Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti Pembangunan Perkerhidmatan Awam, CDF telah diperkenalkan sebagai alat untuk mengukur dan meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai serta kakitangan.

Ini membolehkan kementerian dan jabatan merancang tenaga kerja dengan lebih sistematik dan strategik. Institut Perkhidmatan Awam, IPA, terus memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan, melalui pelbagai latihan termasuk dalam bidang ICT, Kecerdasan Buatan, AI, inovasi, pengurusan strategik, sumber manusia, kepimpinan etika kerja dan komunikasi. Selain itu, *Civil Service Leadership Pipeline*, CSLP yang dijalankan dengan kerjasama strategik bersama institusi-institusi latihan dan kemahiran yang termuka di luar negara. Bertujuan untuk melatih di masa hadapan dengan pendedahan kepada global dan teknologi baharu. Pembangunan kapsiti Warga

Perkhidmatan Awam juga diperkukuhkan lagi menerusi program-program penempatan latihan dan pertukaran bersama dengan negara-negara sahabat seperti Republik Singapura, Malaysia dan baru-baru ini Emiriah Arab Bersatu.

Aspek kedua iaitu kecemerlangan organisasi. Usaha untuk meningkatkan keberkesanan organisasi kerajaan terus diperkukuhkan melalui dengan beberapa inisiatif utama. Sepertimana yang dimaklumi, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan melaksanakan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam, 3PSA melalui penerapan bintang yang berfungsi sebagai mekanisma untuk memperkukuh tadbir urus agensi kerajaan melalui penilaian aspek seperti rancangan strategik pembaharuan dan penambahbaikan pengurusan manusia serta pemedulian pelanggan.

Penilaian 3PSA ini menekankan pendekatan berasaskan bukti dan pencapaian. Ini termasuklah perlaksanaan *Self-Assessment* 3PSA di peringkat agensi-agensi masing-masing sebelum penilaian rasmi MSD bagi membantu agensi mengenal pasti dan menambahbaik pengurusan di agensi masing-masing. Sebanyak 10 agensi kerajaan dinilai pada setiap tahun. Untuk memastikan perkhidmatan yang lebih responsif dan berkesan, pelaksanaan TPOR terus dipantau oleh MSD khasnya keatas agensi yang berurusan dengan orang ramai. Ini termasuklah penekanan terhadap pengumpulan data penganalisaan prestasi dan pelaporan penambahbaikan kepada MSD bagi tempoh-tempoh

tertentu. Seterusnya pihak MSD juga terus melaksanakan transformasi sistem kerja, TSK sebagai satu pendekatan untuk menyelaraskan dan mempermudah proses kerja dan mempercepat TPOR serta meningkatkan kepuasan pelanggan.

Pada masa ini, inisiatif ini memfokuskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang mendatangkan impak tinggi kepada orang ramai. Dalam masa yang sama, pendekatan awam yang telah diperkenalkan sejak 2018 adalah bagi menggalakkan penglibatan rakyat dan pembentukan dasar dan program kerajaan yang diselaraskan dengan keperluan mereka. Insya Allah, perancangan akan datang ialah untuk menyediakan portal khusus bagi mendapatkan maklum balas secara terus, *real-time* daripada orang ramai terhadap sebarang pembaharuan dasar atau program yang akan di perkenalkan oleh agensi-agensi kerajaan.

Dalam usaha untuk memperkesakan lagi kepuasan hati pelanggan, MSD telah menyediakan satu garis panduan sistem pengendalian aduan orang ramai, sebagai rujukan utama agensi-agensi kerajaan untuk menangani aduan orang ramai secara bersistematik khususnya dalam memastikan tindakan-tindakan susulan diambil sewajarnya serta meningkatkan akauntabiliti di pihak masing-masing.

Berkaitan pemedulian pelanggan, berdasarkan data Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan, KSTP menunjukkan bahawa tahap kepuasan terhadap Perkhidmatan

Awam bagi agensi-agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai menunjukkan trend peningkatan, namun sasaran belum dicapai sepenuhnya.

Tahap kepuasan pelanggan terhadap penyampaian Perkhidmatan Awam menunjukkan peningkatan iaitu 74.7 peratus bagi tahun Kewangan 2020 / 2021 kepada 81.5 peratus bagi tahun Kewangan 2023/2024. Selain itu, MSD akan juga terus melaksanakan peranan pentingnya dalam memberikan khidmat konsultasi kepada agensi-agensi kerajaan dalam bidang urus tadbir dan penyampaian perkhidmatan dengan mengambil kira semasa berkaitan pembaharuan dalam urus tadbir Perkhidmatan awam.

Akhir sekali ialah berkaitan dengan aspek pendigitalan dan inovasi dalam penyampaian Perkhidmatan Awam. Antara inisiatif utama ialah perlaksanaan Sistem Sumber Manusia, SSM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Ianya dihasratkan untuk memastikan pengurusan tenaga kerja yang lebih sistematik dan cekap melalui penggunaan teknologi digital kearah pengoptimaan sumber tenaga manusia.

Manakala MSD juga akan memperkenalkan E-Pemedulian Pelanggan, EPP yang bertujuan untuk pengumpulan dan penganalisaan data secara *real-time* secara asas kepada penilaian keberkesanan penyampaian perkhidmatan merentasi sektor kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Pada masa yang sama. MSD juga sedang dalam penyediaan Rangka Kerja

Inovasi Perkhidmatan Awam, RKPA sebagai panduan dalam membudayakan inovasi dan membangunkan ekosistem inovasi dalam Perkhidmatan Awam.

Menyentuh tentang usaha dalam memastikan penjawat awam agar lebih mesra pelanggan dan potensi AI dengan bertambah baik lagi perkhidmatan kerajaan. Jabatan Perdana Menteri sememangnya melihat dalam keutamaan yang mana ianya adalah antara sebab utama kepada pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan teras yang berkaitan dengan urusan orang ramai.

Seperti juga kementerian-kementerian lain, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah terpandu dengan usaha yang diterajui di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dalam mana, setiap kementerian adalah dikehendaki untuk mewujudkan pelan digital transformasi masing-masing.

Dalam hubungan ini, Jabatan Perdana Menteri menerusi MSD juga berperanan dalam menggalakkan mana-mana perkhidmatan teras yang melibatkan urusan dengan orang ramai untuk diraihkan secara atas talian selaras dengan penilaian 3PSA berkaitan pembaharuan dan penambahbaikan sistem yang dilaksanakan oleh agensi termasuk sistem teknologi dalam operasi dan penyampaian perkhidmatan.

Melangkah ke hadapan, sepertimana jua kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bagi penubuhan satu Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam, JTPA akan berperanan dalam menerajui hala tuju perkhidmatan awam khasnya menerusi penelitian isu-isu serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam sektor awam dan kepentingannya terhadap pencapaian bidang-bidang berkeutamaan di bawah matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sekian yang disampaikan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Yang Berhormat Pehin. Kaola ingin menanya. Adakah kriteria-kriteria yang dinilai di dalam program penggredan berkenaan telah diselaraskan dengan kriteria yang dinilai dalam *Government Effectiveness Index* yang dikeluarkan oleh *The World Bank* bagi memastikan kualiti yang setanding dalam penilaian di pihak kebangsaan ani?

Satu perkara lagi, kaola mengambil kesempatan ini jua untuk mencadangkan Yang Berhormat Pehin, supaya KPI-KPI kementerian dan jabatan yang ada

di dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara itu supaya ia diteliti semula kerana 3 tahun pihak abiskaola meneliti buku berkenaan, mendapati ada KPI yang kurang tepat dan tidak mengukur objektif program kementerian dan jabatan yang berkenaan dan beberapa KPI akan abiskaola keluaran nanti, tanyakan di dalam perbincangan Jawatankuasa ini, insya Allah sebagai contoh. Jadi ini adalah penting KPI ini untuk kitanya memastikan kecekapan perkhidmatan pihak kementerian dan produktiviti kementerian dan jabatan berkenaan. Itu saja Yang Berhormat Pehin. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah. Mengenai dengan penyelarasan *GEI* dengan *World Bank* itu kaola memohon untuk mendapatkan kesahihannya jua dan mungkin jua ada ketetapan yang diperlukan.

Mengenai dengan pengemaskinian KPI-KPI ini memang diakui ada di antara kementerian-kementerian KPI-KPI ini memang in da kemaskini dan seperti jua perjumpaan-perjumpaan dan jua dijelaskan dalam waktu muzakarah di mana KPI-KPI JPM sendiri memerlukan beberapa pengemaskinian. Jadinya memang terjadi beberapa perkara KPI yang mungkin ada yang terlepas pandang di antara kementerian-kementerian dan adalah menjadi

tanggungjawab dan usaha JPM untuk jua mengemas kini terutama sekali yang bersangkutan-paut pelan-pelan strategik kementerian ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Soalan yang ketiga, iaitu dari Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Silakan Yang Berhormat Pengiran.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin memohon izin untuk menjawab dua soalan terus bersama, iaitu soalan PL24 dan PL26 sepertimana tersenarai dalam Perintah Harian memandangkan berkaitan dengan hal ehwal pengusaha sekolah memandu dan seterusnya diikuti dengan PL25 bagi menjawab soalan mengenai Lesen Kelas 6.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Jadi Yang Berhormat Pengiran akan menjawab soalan tiga, empat dan lima?

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Ya, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin di atas soalan yang diajukan mengenai hal ehwal berkaitan dengan pengusaha sekolah memandu dan juga Lesen Kelas 6.

Mengenai dengan pengusaha sekolah memandu, kaola akan bermula dengan mengongsikan perangkaan sekolah memandu dan jurulatih memandu di Negara Brunei Darussalam. Untuk makluman Yang Berhormat setakat 5 Mac 2025 terdapat sejumlah 24 buah sekolah memandu di seluruh daerah dengan 109 orang jurulatih memandu, di mana 52 adalah jurulatih lelaki, manakala 57 merupakan jurulatih perempuan.

Mengikut dasar yang ada pada masa ini, pengusaha atau pemilik sekolah memandu mesti mempunyai kelayakan sebagai seorang jurulatih memandu. Permit yang diberikan kepada pengusaha atau pemilik sekolah memandu hanya sah bagi firma atau syarikat atas namanya dan tidak boleh dipindah milik menurut Akta Lalu lintas Jalan Raya (Penggai 68), Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu), 1987.

Di antara syarat-syarat bagi seorang itu menjadi jurulatih memandu dan sekiranya berhasrat untuk menjadi pemilik atau pengusaha sekolah memandu selain dari lulus ujian kelayakan mestilah mempunyai rekod lalu lintas yang bersih, mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 dan juga berpengalaman memandu tidak kurang dari 5 tahun serta fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Di samping itu, ianya merupakan satu kelebihan jika mempunyai lesen memandu kelas yang lain termasuk kursus *defensive driving* atau *safer driving* yang berkaitan. Dengan itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, kaola akan berpandukan kepada pensyaran yang sedia ada.

Pertama sekali, berhubung dengan operasi berterusan sekolah memandu sekiranya pengusaha telah meninggal dunia. Pada lazimnya, sekolah memandu berkenaan masih dibenarkan untuk beroperasi secara sementara bagi tempoh selama 6 bulan sehinggalah pelajar-pelajar yang ada mengikuti pembelajaran selesai menjalani ujian memandu tertakluk ada tenaga jurulatih memandu.

Seterusnya jika terdapat permohonan-permohonan yang berkeinginan untuk mengambil alih sekolah memandu tersebut sebagai pengusaha, permohonan-permohonan berkenaan adalah dimestikan untuk memenuhi pensyaran yang sedia ada, iaitu menjalani dan lulus dalam proses ujian

kelayakan sebagai pengusaha sekolah memandu. Setakat ini, terdapat 3 buah sekolah memandu yang telah diambil alih oleh jurulatih memandu yang terdiri daripada kalangan keluarga pengusaha sekolah pemandu ataupun pemilik. Jurulatih berkenaan telah pun menjalani dan lulus proses ujian-ujian kelayakan untuk menjadi pengusaha sekolah memandu.

Kedua, jika dapat membolehkan jurulatih memandu ingin bekerja di sekolah memandu yang lain. Dalam hubungan ini, pertimbangan akan diberikan kepada mana-mana jurulatih memandu yang berkeinginan untuk bekerja atau berpindah ke sekolah memandu yang lain dengan memenuhi pensyaran yang sedia ada.

Akhir sekali, mengenai jika jurulatih memandu ingin membuka sekolah memandu. Dalam hubungan ini, sepertimana yang dikongsikan ini tidak menjadi halangan asalkan syarat-syarat yang telah dikongsikan dapat dipenuhi khususnya jurulatih memandu tersebut mestilah menjalani dan lulus proses ujian-ujian kelayakan untuk menjadi pengusaha sekolah memandu.

Beralih kepada cadangan daripada Yang Berhormat, iaitu berkaitan dengan tambahan kategori di bawah Lesen Memandu Kelas 6. Bagi menjawab perkara ini untuk makluman Yang Berhormat, Lesen Memandu Kelas 6 yang sedia ada mempunyai 2 kategori, iaitu Kelas 6 bagi bas-bas yang mempunyai kapasiti lebih dari 16 tempat duduk

penumpang, ini bermakna bas yang berkapasiti 22 tempat duduk penumpang adalah termasuk di bawah kategori kelas ini. Manakala, Kelas 6A adalah khusus bagi bas mini dengan kapasiti tidak lebih 16 tempat duduk penumpang.

Salah satu pra-syarat bagi mendapatkan Lesen Kelas Memandu Kelas 6 dan 6A yang dijalankan pada masa ini adalah diperlukan untuk mengikuti latihan serta ujian praktikal memandu dengan menggunakan bas 45 muatan tempat duduk penumpang.

Objektif bagi penggunaan bas dengan kapasiti 45 muatan tersebut untuk menilai kecekapan pemandu, bukan sahaja cekap memandu bas berukuran kecil tetapi juga bas yang berukuran besar. Akan tetapi, sepertimana pemerhatian Yang Berhormat, ini boleh menyukarkan pelajar.

Sehubungan dengan itu, cadangan Yang Berhormat adalah satu pemerhatian yang baik dan Jabatan Pengangkutan Darat merancang untuk membuat pengemaskinian ke atas latihan dan ujian praktikal bagi Lesen Memandu Kelas 6.

Pertimbangan bagi perkara ini akan dinilai dari segi kapasiti bas yang dipohonkan bagi tujuan mengikut latihan dan juga ujian praktikal. Sebagai contoh, jika pemohon yang dihadapkan adalah bagi mengikuti latihan dan ujian praktikal dengan menggunakan bas 22 tempat duduk penumpang, maka pemohon tersebut hanya dibenarkan untuk

memandu bas yang berkapasiti 22 dan ke bawah sahaja.

Selain mengenai isu kapasiti bas, keselamatan penumpang-penumpang adalah merupakan keutamaan yang perlu diberikan perhatian khusus. Bagi perkara ini, Jabatan Pengangkutan Darat juga sedang membuat penelitian untuk melarutkan pensyarahan Kursus *Defensive Driving* kepada para pemandu bas awam dan juga bas pelancong. Buat masa ini, Kursus *Defensive Driving* tersebut hanya dipersyaratkan kepada pemandu-pemandu bas yang membuat perjalanan lintas batas iaitu keluar negeri. Sekian sahaja yang dapat kaola kongsikan, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Kita beralih kepada soalan keenam, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya mempersilakan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin memohon izin untuk menjawab Soalan PL91 ini sekaligus bersama dengan Soalan PL113 dan PL114, memandangkan isu-isu yang ditimbulkan adalah semuanya berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menjawab Soalan tujuh daripada Awang Haji Daud bin Jihan dan juga Soalan lapan, daripada, juga daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan berhubung dengan usaha-usaha dalam memperkasa bahasa, budaya dan pengetahuan tradisional masyarakat puak jati bagi menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam pembangunan negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kekal komited dalam memperkasa budaya bahasa dan pengetahuan tradisional masyarakat puak jati Negara Brunei Darussalam selaras dengan dasar kebudayaan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan iaitu SDG. Usaha ini, bertujuan memastikan kebudayaan setiap puak di Negara Brunei Darussalam kekal relevan dalam memperkasakan jati diri bangsa serta menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Sehubungan itu, Kementerian abis kaola telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memelihara warisan budaya termasuk menganjurkan sebanyak 1,547 aktiviti kebudayaan pada sepanjang tempoh 2023-2024 yang mana telah menarik penyertaan seramai lebih 67,908 orang peserta.

Antara program utama yang telah dianjurkan adalah Festival Kebudayaan 7 Puak yang menampilkan keunikan adat dan budaya puak jati Brunei. Di samping itu, program-program seperti Perjalanan Kebudayaan di keempat daerah, Pertandingan Canang Citra Budaya dan Naindung Mekar yang melibatkan persembahan lagu-lagu tradisi, juga telah menarik penyertaan lebih dari enam ribu peserta. Selain itu, Bengkel Warisan Tradisi yang memfokuskan permainan tradisional dan kesenian budaya serta pameran 'Muziumku Warisanku' yang mempamerkan pakaian 7 puak dan artifak budaya juga turut dianjurkan.

Selain itu, Kementerian ini juga memastikan usaha pemerksaan budaya ini bersifat inklusif dengan menyediakan platform kepada golongan Orang-orang Kelainan Upaya, OKU untuk mempromosikan karya seni budaya termasuk kraftangan dan persembahan warisan seperti pameran seni untuk semua, yang diadakan pada tahun 2024 bersempena dengan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya.

Dalam konteks antarabangsa, Kementerian ini turut membawa warisan budaya Brunei ke peringkat serantau dan

global melalui penyertaan dalam Festival ASEAN serta pelbagai acara lain termasuk memperkenalkan permainan tradisional seperti pasang, congkak, saluk-salukan dan buah lapas-lapas.

Seiring dengan perkembangan teknologi, Kementerian abis kaola turut memanfaatkan teknologi digital melalui pendigitalan 42,233 bahan warisan bagi memastikan kelangsungan sejarah dan budaya Brunei. Selain itu, aplikasi BudayaBN yang mengandungi e-Kamus Bahasa Melayu Brunei telah digunakan setakat ini oleh lebih 100 ribu pengguna untuk memelihara dan memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu Brunei.

Teknologi VR ataupun *Virtual Reality* dan AR ataupun *Augmented Reality* juga telah digunakan dalam pemeran warisan bagi menarik minat generasi muda. Hasilnya, pameran-pameran budaya yang dilaksanakan telah dapat menarik lebih sebanyak 231 ribu orang pelawat ke galeri, perpustakaan dan tapak bersejarah di Brunei serta meningkatkan jumlah pengunjung kepada 8,655 orang pada tahun 2024.

Ini bermakna ianya satu peningkatan sebanyak 70% daripada tahun sebelumnya. Sasaran masa depan Kementerian abis kaola adalah untuk terus memperkukuh kolaborasi dengan institusi pendidikan, pertubuhan budaya dan masyarakat setempat untuk merancang program kebudayaan yang lebih dinamik. Selain itu, kementerian ini akan terus menggalakkan penglibatan masyarakat puak jati Brunei melalui

pelbagai program seperti kursus dan latihan seni budaya untuk belia dan komuniti dalam bidang seperti tenunan, seni persembahan serta adat istiadat.

Dalam pada itu, kejayaan pengiktirafan kebaya, pakaian kebaya, sebagai warisan tidak ketara *UNESCO* menjadi satu bukti keberkesanan kolaborasi serantau dalam memartabatkan budaya Brunei. Kementerian ini juga terus menyokong pengusaha produk budaya seperti kraftangan, makanan warisan dan *textile* tradisional melalui gran bantuan untuk memastikan produk tempatan terus berkembang dan menjadi sumber ekonomi.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian ini sebenarnya bukan saja bertujuan untuk memastikan warisan budaya Brunei terus berkembang tetapi juga bertujuan untuk memperkukuh sektor pelancongan budaya, pembangunan ekonomi negara serta pemupukan kesedaran dan minat generasi muda dalam bidang ini.

Ini adalah selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang mana menitikberatkan pembangunan belia dan pemeliharaan warisan sebagai tunjang kemajuan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa mengalu-alukan cadangan dan inisiatif daripada masyarakat di peringkat akar umbi dalam memastikan adat, budaya dan tradisi akan terus kekal terpelihara.

Dalam hal ini, abis kaola ingin menyeru kepada semua institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin komuniti untuk sama-sama secara proaktif, memperkasakan kesedaran budaya dalam kalangan generasi muda. Kerjasama erat dengan pemimpin masyarakat ini amat penting bagi memastikan setiap anak buah kampung tidak akan melupakan warisan dan identiti budaya mereka.

Melalui program seperti bengkel budaya, pertandingan kesenian tradisional dan kempen kesedaran sejarah lisan, kementerian ini berusaha untuk memindahkan ilmu budaya kepada generasi penerus dan mengukuhkan rasa bangga terhadap jati diri bangsa. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi negara untuk memastikan warisan budaya terus berkembang dan kekal relevan dalam arus kemodenan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Kalau saya dapat ikut serta dalam hal ini, saya merasakan sangat mustahak bagi kitani untuk, apa namanya ni, sama-sama memikirkan bahawa kita mempunyai undang-undang khusus mengenai dengan siapa yang sebenarnya disebut sebagai rakyat Brunei.

Jadi, kitani tidak seharusnya leka dengan perasaan kepuakan kitani. Sekiranya kitani leka dengan itu, maka kita akan lalai dan apa namanya ni, sistem pemerintahan yang dahulu *divide and rule* akan berkembang semula. Jadi kita adalah rakyat Brunei, identiti kita adalah

kebruneian dan boleh dikatakan filosofi hidup kita adalah MIB.

Jadi kita adalah orang Melayu, kita adalah negara Islam dan kita mempunyai raja. Jadi kita harus tidak lupa kepada, apa namanya ni, *central* atau *focal point* ke pembangunan *nation-building* kita bahawa kita adalah orang Brunei. Jadi, sememangnya baik bagi barangkali apa namanya ni, untuk kitani masih menganu, tetapi kitani tidaklah, nya orang, ada menyatakan bahawa apa bangsamu? Bangsa Dusun, rakyat Brunei. Tidak ada macam itu, kitani adalah orang Brunei, rakyat Brunei dan seumpamanya lah.

Jadi kita harus tidak lupa akan hakikat yang sebenarnya bahawa kita adalah orang Brunei dan apa jua kebudayaan, sesuatu hari yang akan kitani timbulkan dalam *nation-building* kita adalah mencerminkan ketatasusilaan, kebudayaan negara kitani sendiri. Jadi penyatuan kita adalah bahawa kita kebruneian kitani itu. Itu sajalah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:**  
Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Pehin. Silakan

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola mohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Iaitu mengenai dengan promosi budaya Brunei di luar negara. Sama ada terdapat peruntukkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menarik pelancong misalnya ke Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama dengan kedutaan dan suruhanjaya tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negara kerana kadang-kadang aktiviti kedutaan dan suruhanjaya tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negara macam nada sokongan daripada kementerian di dalam ini.

Atu sahaja soalan kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di atas soalan tadi.

Sebenarnya, dari segi peruntukkan dan *resources* sebenarnya tidaklah, apa namanya, kitani mengambil kira yang mana peruntukkan itu ditempatkan di setiap kementerian dan sebagainya tetapi memang kitani secara pendekatan kerjasama seluruh kerajaan memang peruntukkan-peruntukkan itu

mempromosikan budaya atau memang ada. Kalau pun tidak di Kementerian itu sesebuah Kementerian tetapi akan ada diberi ruang di bawah tajuk-tajuk yang bersesuaian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, jadi isu atau tidak timbul.

Kerana apabila satu-satu inisiatif promosi ianya bukannya diadakan ataupun dilaksanakan oleh satu-satu Kementerian tapi ianya membuka ruang juga untuk bekerjasama dengan Kementerian-Kementerian lain seperti contoh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jabatan Pelancongan dan juga bagi peruntukan memang jika sekiranya tidak mencukupi akan dipohonkan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Jadi mengikut satu-satu kesesuaian ianya Insya Allah pihak kerajaan akan menyediakan *resources-resources* yang berkenaan dan mengikut keutamaan jua mana-mana satu program dan inisiatif yang boleh dilaksanakan mengikut keutamaan. Jadi itu sahaja barangkali jawapan abis kaola. Terima kasih Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Sekarang kita beralih kepada soalan yang kesembilan. Iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin berterima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann berkenaan dengan soalan keluhan petani-petani tempatan yang berskala kecil dan sederhana mengenai dengan subsidi baja dari Jabatan Pertanian yang sering tidak mendapat pengagihan baja-baja tersebut.

Laporan mengenai baja-baja bahan *input* pertanian, skim insentif disalurkan kepada pengusaha atau syarikat yang sudah berjaya dan berskala besar adalah tidak tepat kerana syarat-syarat kelayakan permohonan skim insentif bagi peladang yang mengusahakan komuniti sayur-sayuran berbagai tanaman, *floriculture* dan komuniti padi adalah kawasan yang diusahakan tidak melebihi 5-*hectare* dan bagi komuniti buah-buahan tidak melebihi 7 hektar.

Kesediaan bekalan baja insentif adalah bergantung kepada beberapa faktor, iaitu peruntukan yang diluluskan, jumlah keperluan pengusaha berdasarkan keluasan ladang, keupayaan syarikat pembekal baja untuk membekal baja mengikut spesifikasi yang dinyatakan dan kapasiti stor-stor bagi Jabatan Pertanian. Jabatan juga mengelak daripada pembelian baja secara berlebihan agar baja tidak disimpan terlalu lama di dalam stor yang boleh menyebabkan penurunan kualiti baja dan

menyebabkan kerugian kerajaan. Cadangan bagi mengatasi masalah kekurangan baja tersebut, pihak Jabatan Pertanian menyeru bagi peladang-pelandang untuk menggunakan jenis baja campuran fizikal atau baja tunggal yang lebih *cost-effective* berbanding dengan baja kompaun dan digalakkan untuk membeli juga baja secara berkumpulan untuk mendapatkan harga borong atau diskaun bagi syarikat-syarikat swasta atau mengimport ke luar negara.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Soalan yang ke sepuluh, iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin yang ditujukan kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**  
Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin berterima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkenaan dengan soalan mengenai menangani isu penurunan industri perikanan Brunei. Seperti yang dimaklumkan semasa dalam muzakarah antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara tahun 2025 yang telah

diadakan pada 4 Februari 2025 lalu di mana data keluaran sektor perikanan pada bagi tahun 2024 yang disampaikan semasa taklimat berkenaan adalah belum muktamad dan masih dalam pengiraan.

Untuk makluman, nilai keluaran sebenar industri perikanan, penangkapan ikan bagi tahun 2024 meningkat sebanyak \$3.63 juta iaitu peningkatan sebanyak 2.8% berbanding hasil keluaran pada tahun 2023, iaitu meningkat sebanyak \$128.3 juta pada tahun 2023 kepada \$131.93 juta pada tahun 2024. Industri ini merupakan penyumbang utama, iaitu sebanyak 82% pada keseluruhan nilai penghasilan sektor perikanan pada tahun 2024. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan hasil tangkapan dari nelayan komersial sebanyak \$2.67 juta, iaitu peningkatan 21.9%, iaitu daripada \$12.16 juta pada tahun 2023 kepada \$14.8 juta pada tahun 2024.

Untuk makluman, pencerobohan nelayan asing secara haram meningkat sebanyak 11% pada tahun 2024, iaitu sebanyak 238 pencerobohan jika dibandingkan sebanyak 212 buah dalam pencerobohan dalam tahun 2023. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan melaksanakan penguatkuasaan yang berterusan bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing di negara ini dengan melaksanakan rondaan dan pengawasan secara rutin. Sebagai langkah tambahan, Pelan Tindakan Kebangsaan juga turut dilaksanakan yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama di antara

agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Bagi memastikan pengawalan dan pengawasan dapat dijalankan secara bersepadu.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Koala berasa amat gembira lah dengan *news* yang penaikan hasil daripada perikanan. Alhamdulillah.

Satu pertanyaan mengenai dengan perikanan. *Climate change is real, we are here you know the climate change every day that we have said.* Satu pertanyaan adakah peruntukan di dalam kementerian untuk membuat *research and development, impact of climate change* kepada di dalam industri perikanan. Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkenaan dengan *impact of climate change* kepada industri perikanan.

Sebenarnya ada dua *study* dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan, iaitu *study*

pertama ialah bekerjasama dengan dengan *SEAFDEC* iaitu persatuan antarabangsa berkenaan dengan pengiraan stok yang secara *regular* di perairan Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya pengiraan stok ini insya Allah akan dapat mengkaji sejauh mana *effect* ini *climate change* boleh menjejaskan bekalan ikan di perairan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping juga, ada satu *study* juga yang akan dilaksanakan iaitu kajian bagi kawasan-kawasan yang sesuai bagi penternakan *aquaculture* di negara di mana ia akan dapat membandingkan *status* masa dahulu dan juga pada masa sekarang sama ada, ada impak kepada kawasan-kawasan yang *distudy* itu adakah ia terjejas oleh sebarang faktor-faktor lain seperti *climate change* atau pun *pollution* yang akan dapat dilihat pendapatan daripada kajian ini. Itulah dia saja dua *studies* yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Sekarang kita berpaling kepada soalan ke sebelas, iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang menyatakan ia ada dua Pehin.

Pertama, menyatakan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama kaola lah menyatakan langkah strategik kementerian dalam memastikan pendekatan rohani untuk menangani kesihatan mental dengan lebih berkesan dan tidak sekadar aktiviti-aktiviti;

Kedua, apakah perancangan bagi memperkenalkan modul latihan bagi pemimpin di tempat kerja serta memperluaskan integrasi kaunseling berteraskan kerohanian di sektor swasta bagi memastikan pendekatan holistik yang menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertanyaan pertama, setakat yang dapat kaola fahami ialah mengenai langkah strategik untuk memastikan pendekatan kerohanian dalam menangani kesihatan mental dengan lebih berkesan sebagaimana Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed menyebutkan iaitu dengan tidak sekadar aktiviti rutin. Inilah merupakan langkah strategik.

Sementara pertanyaan yang kedua ialah, apakah ada perancangan untuk memperkenalkan modul latihan khusus bagi pemimpin di tempat kerja serta

memperluaskan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed itu, iaitu sebagai integrasi kaunseling ke sektor swasta bagi memastikan pendekatan holistik yang menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon maaf jua kalau tersilap memahami maksud sebenar pertanyaan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang mana kaola yakin Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed memang berhajat baik untuk apa yang kitani sebut-sebut sekarang ini menangani isu gejala mental supaya dapat ditangani dengan baik sesuai menepati cara pendekatan kita di negara ini.

Pendekatan kita itu ialah mensepadukan rawatan kerohanian dengan rawatan saintifik konvensional bukan menjadikan rawatan kerohanian itu suatu alternatif yang terpisah di mana pesakit atau penghidap gejala mental akan menolak rawatan konvensional saintifik dan mahu kan rawatan kerohanian *spiritual*/semata-mata dengan alasan rawatan kerohanian itu adalah ajaran keugamaan dan ianya suci berasal dari Allah Subhanahu Wata'ala, diajarkan oleh Rasulnya, Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam dan diikuti serta disebarluaskan oleh ulama-ulama atau oleh sekurang-kurangnya orang yang diketahui baik perangnya, ibadahnya dan diketahui pula berilmu kerohanian dan lebih-lebih lagi diketahui berkeberkatan, lalu rawatan orang yang sedemikian itulah yang terpakai sementara rawatan

hospital oleh doktor-doktor dianggap adalah ilmu dan praktik keduniaan. Kaola mengucapkan Astaghfirullah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Oleh itu, kaola sukacita menyatakan bahawa untuk melaksanakannya secara yang dihajatkan itu, Kementerian sangat berhati-hati. Berhati-hati itu ialah kerana ia memerlukan bukan setakat menyediakan orang-orang yang pandai dan mahir, bahkan menguasai bacaan-bacaan tertentu daripada ayat-ayat al-Quran dan rangkaian baca-bacaan dalam rawatan rukyah, bahkan seseorang bakal perawat kerohanian itu mestilah juga dibekalkan dengan ilmu dan latihan kesihatan mental itu sendiri, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Untuk itu, sukacita disebutkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun berkolaborasi bersama Kementerian Kesihatan mengadakan kursus latihan kesihatan mental bagi pemimpin-pemimpin masyarakat. Tujuannya ialah bagi menghasilkan orang-orang yang akan dapat membantu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ah.. tadi soalan kedua ada, kaunseling dan rawatan yang berkesan di dalam atau di luar tempat kerja secara yang tersusun dan bersistematik.

Sehubungan dengan inisiatif ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian mempersiapkan perawat-perawat kerohanian yang terpercaya. Kementerian Hal Ehwal Ugama akan turut sama menjayakan program latihan khusus yang bertujuan melahirkan

perawat kerohanian yang berkemahiran dalam menangani isu kesihatan mental dengan pendekatan rawatan bersepadu itu.

Maka, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan keterangan ini sebagai latar belakang, maka inisiatif yang telah dan akan dibuat bukan sahaja oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bersendirian malah berkolaborasi bersama dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Mufti Kerajaan yang sedang dalam proses itu, kaola percaya kaola dapat menjawab serentak kedua-dua pertanyaan dari Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang mana pertama Kementerian dalam langkah-langkah yang sangat berhati-hati dan yang kedua mempercayai bahawa bakal-bakal perawat kerohanian itu mestilah juga mengetahui sebahagian ataupun pengalaman dalam ilmu kesihatan mental, ilmu psikologi umpamanya.

Dan untuk mendapatkan kumpulan yang dipercayai dalam bidang ini dengan kemahirannya, usaha sedang dilakukan berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Mufti, Insya Allah, kalau semua ini dapat terlaksana, tentulah pelaksanaannya ataupun hasilnya tidak sebegitu nya orang macam kitani apa namanya tu, *instant mee* atau *instant food*, akan memakan waktu, maka dalam proses-proses sedemikian itu, Insya Allah perlahan-lahan kitani akan memperluaskannya sebagaimana yang dihajatkan dengan rancangan-rancangan yang bukan setakat rutin, bahkan juga yang strategik itu akan

dapat dilaksanakan dengan berkesan. Insya Allah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Soalan yang kedua belas, iaitu dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, yang ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih sekali lagi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mungkin jawapan kaola agak panjang daripada jawapan yang tadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin itu bertanya, apakah ada perancangan Kementerian untuk memperkenalkan kategori baharu bagi permohonan yang belum diperakui dan status-status Sijil Halal premis untuk disiarkan dalam talian ataupun secara fizikal dan usaha penguatkuasaan yang ketat memandangkan beberapa premis makanan termasuk yang bukan milik orang Islam, beroperasi sementara menunggu Sijil Halal ataupun pembaharuan sijil? Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan satu kategori tambahan? Atau yang dapat difahami di sana.

Jadi, intipati soalan ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua adalah kerana difahami

bahawa pengeluaran sijil baharu yang dipohonkan dan pembaharuan Sijil Halal yang dipohonkan untuk dibaharui adalah memakan waktu. Ini suatu kenyataan. Jadi, idea berupa pertanyaan mungkin apakah boleh diadakan satu kategori tambahan selain daripada Sijil Halal, apakah lagi namanya, tambahan? Maka perkara ini sebenarnya dilihat kepada undang-undang yang ada pada masa ini. Undang-undang yang ada sejak tahun 2014 lagi bahawa tidak ada peruntukan sedemikian itu dibolehkan melainkan kalau undang-undang itu dipinda, tapi pemindaan itu pun akan difikirkan apakah boleh sedemikian itu praktikal untuk mengatasi apa yang dinamakan kelambatan. Jadi, oleh kerana kitani memikirkan perkara ini berikutan daripada kelambatan-kelambatan, maka kementerian berfikir dan Alhamdulillah, daripada *input-input* daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik juga Pehin selama ini, dapat diketahui bahawa baiklah diperbaiki pengurusan pengendalian untuk memperbaharuinya ini ataupun mengeluarkan sijil halal tersebut.

Misalnya pada masa ini, TPOR-nya 45 hari, jadi kurangkanlah kepada satu tempoh yang lebih praktikal sesuai dengan kehendak-kehendak orang ramai dan juga kehendak-kehendak pengusaha-pengusaha atau syarikat-syarikat. Misalnya pada masa ini, kalau semata-mata perakuan khas sementara diberikan kepada pengusaha, ada, ada tu, tapi bukan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Bahagian Kawalan Makanan Halal. Diberikan pengusaha yang sedang menunggu kelulusan sijil

halal, permit halal atau pembaharuan halal itu, dalam enam bulan tapi undang-undang sebagaimana yang saya,kaola yang katakan tadi, semenjak 2005 lagi tidak memperuntukkan sedemikian.

Jadi kesulitannya ialah 6 bulan itu tidak diketahui dengan pasti oleh pihak Bahagian Kawalan Makanan Halal kerana bila ia ke sana tidak ada laporan melainkan diketahui apabila ada rondaan-rondaan, itu satu perkara. Jadi hal-hal macam ini ini boleh diatasi bagaimana caranya. Artinya kebenaran tersebut daripada mana-mana pihak pun, pihak Bandaran, Daerah dan sebagainya pun misalnya hendaklah juga dimaklumkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kawalan Makanan Halal dan dari sana, mereka akan terus bertindak untuk mengambil langkah. Kalau tidak, sampai 6 bulan lebih 6 bulan pun tidak diketahui, jadi, cara mengatasinya adalah jua semata-mata bergantung kepada laporan mungkin ialah yang penting sekali rondaan-rondaan atau lawatan-lawatan luar untuk digiatkan, dan ini sedang digiatkan.

Yang kedua, antaranya juga ialah pemohon sijil halal dikehendaki menyertakan semacam perakuan untuk pemeriksa, eh bukan, untuk penyelia. Ini disyaratkan pengusaha atau syarikat atau restoran atau dan sebagainya itu mempunyai penyelia yang terdiri daripada orang Islam dan penyelia ini mestilah diperakukan kelayakannya, pengetahuan ugamanya, amalan-amalan ibadatnya dari segi kelakuan akhlaknya tidak berbohong dan sebagainya dan

sebagainya boleh dipercayai, maka mereka itu barulah akan diberikan kebenaran untuk menjadi penyelia. Jadi, hal itu pada masa ini dikehendaki borang pemohon mestilah disertakan dengan slipnya, dengan kelayakan. Jadi pada masa ini, kelayakan itu memakan masa 7 hari daripada mengadakan ujian, ujian kelayakan namanya ah. Memohon kemudian diuji kelayakan kemudian keputusannya, akan ada orang akan diberikan kemudian dan setelah dalam masa 7 hari baru akan diketahui dan akan diberikan kepada pemohon dan itulah yang memakan 7 hari. Tapi sekarang ini telah diubah, telah diubah iaitu mereka akan diuji dari talian secara talian dan keputusan akan dibuat melalui talian itu juga. *On the spot*, sama ada layak atau tidak. Jadi, apabila keputusan diberikan, keputusan itu akan mencatatkan kelayakannya dan kelayakan itu akan *either* berupa slip dan slip itu sahaja yang dikehendaki boleh disertakan. Jadi 7 hari boleh boleh sahaja menjadi sehari atau pun menjadi 2/3 hari sudah tentunya kurang. Maka untuk mengadakannya dikatakan mengadakan satu kategori baharu belumlah timbul pada masa ini. Belum timbul lagi. Kita baik mengatasi soal apa namanya itu masa yang digunakan cara kerja dan sebagainya dan Insya Allah ini akan berterusan.

Jadi, kebimbangan daripada Yang Berhormat ini dan orang ramai sebenarnya, ada operator-operator atau pun pengusaha-pengusaha atau premis-premis yang terus beroperasi tidak diketahui apa ia halal, memang apakah ia

baru membaharui, atau pun baru beroperasi inda diketahui. Jadi hal-hal macam ani dapatlah kitani atasi dengan langkah-langkah pembaikan dari segi pengurusan bukan dengan terus memperkenalkan suatu kategori baharu tambahan yang tidak pun diperuntukkan oleh undang-undang. Mengenai hal itu untuk memudahkannya orang ramai sepatutnya sudah memahami dengan baik bahawa senarai restoran-restoran yang disebutkan yang mempunyai sijil halal memang sudah disenaraikan, dikeluarkan dalam aplikasi, dalam *website* Kementerian Hal Ehwal Ugama dari dulu lagi tapi ada bermasalah *website* itu bermasalah dari segi teknikal maka ia sekajap-sekajap ada sekajap-sekajap inda tapi dengan pengemasan yang telah dilakukan ini dalam langkah untuk mempercepatkan lagi. Pengemasan yang telah dilakukan, website itu telah berfungsi dengan baik dan senarai itu dapat diakses dengan baik mulai daripada 4 haribulan barangkali ah. 4 haribulan bulan Mac tahun ini boleh diakses dengan baik.

Jadi orang ramai bolehlah melihat kesalahan-kesalahan. Adapun melihat kepada pengalaman, pengalaman ah, pengalaman setengah-setengah negara jiran yang juga menguatkuasakan sijil halal dan permit halal. Ada yang mengambil langkah sementara iaitu sementara jua ni macam cemani ani, dinamakan bukan kategorilah langkah sementara dengan menamakan katalah restoran itu *Muslim-Owned* nya ah, dipunyai oleh orang Islam, jadi ani dari segi hukum ni, dari segi hukum

membenarkan hukum akan apa jua yang dicakapkan, adalah perlu di *declare* oleh orang Islam adalah dipercayai, boleh dipercayai. Jadi ini sementara ah, sementaranya itu pun inda menjamin jua. Yang menjamin kitani merasakan integritinya itu masih jua jadi persoalan kerana inda ada dijalankan audit. Audit itu sama ada audit secara dalaman melalui *desk audit* ah, diperiksa dan *declaration declaration* kenyataan-kenyataan dan dokumen permohonan atau yang penting sekali audit di tempat setempat. Jadi yang perkara semacam ani, inda dapat kitani ikut-ikut begitu Sahaja, ah, semata-mata ada cara jalan keluar yang mudah, tapi jalan keluar yang mudah dan perkara halal haram permakanan ani indalah sedemikian itu akan diperkenalkan oleh Kerajaan, apa lagi oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai dengan mempercepatkan dengan menggunakan *outsource* atau pun nya orang swasta, menswastakan sijil halal itu hampir 2 minit sudah ni ah. Perkara itu sebenarnya pada masa ani pun syarikat-syarikat sudah menggunakan *so* macam konsultanlah untuk mengurus permohonan mereka dengan apa namanya tu bahagian sijil halal dengan apa namanya itu mereka mengisi borang sebagainya dan sebagainya. Boleh mempercepatkan juga tu, tapi setakat mengurus bukan mereka itu sebagai *outsource* untuk dipercayakan secara langsung melaksanakan kuasa-kuasa pengauditan dan sebagainya. Itu setakat mengurus.

Jadi berbalik kepada perindustrian ani Pehin, kan dekat 3 minit minta maaf

kaola. Belumah ada perancangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperkenalkan satu kategori baharu dalam mengatasi masalah kelambatan dan dalam mengatasi kesulitan orang ramai untuk mengetahui. Untuk mengetahui itu pada masa ini ada sudah senarai yang halal, maka kalau ada restoran-restoran yang belum mempunyai sedemikian itu maknanya belum beroperasi secara halal. Tertaklukkan kepada kitani sendiri orang ramai ah untuk memilihnya atau tidak. Demikian Pehin, minta maaf kaola Pehin, terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, waktu pertanyaan telah pun kita gunakan lebih daripada yang saya tentukan, tapi walau macam mana pun adalah bermanfaat bagi kitani untuk mendengar beberapa hujah-hujah yang telah pun dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kita akan sekarang beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Kenyataan Menteri.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi izin bagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat Kenyataan Menteri dan saya persilakan, saya persilakan Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. Yang Berhormat Yang

Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola mengongsikan enam isu pendidikan, iaitu mengenai kesejahteraan pelajar dan guru, pendidikan khas, kurikulum, perkembangan *professional*, pencapaian pelajar dan laluan *alternative* dan biasiswa.

Penerangan kepada isu-isu ini sekali gus akan menjawab sepuluh soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik kerana ianya adalah isu yang berkaitan, iaitu PL41, PL54, PL60, PL61, PL72, PL80, PL100, PL108, PL135 dan PL141. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu pertama, kesejahteraan pelajar dan guru. Alhamdulillah pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum telah mula dilaksanakan pada 1 November 2023. Pengintegrasian ini dilihat sebagai satu transformasi pendidikan yang membuka peluang pembelajaran yang lebih *holistic* dan *comprehensive* di samping mengutamakan pendidikan agama.

Dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan perubahan dalam sistem pendidikan umum ini, tidak dinafikan Kementerian Pendidikan telah menghadapi beberapa cabaran yang menuntut organisasi ini merangka proses perancangan yang teliti dan munasabah. Semua ini diawali dengan pengamatan dan maklum balas dan disertai dengan satu kaji selidik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan pada 31 Julai hingga 6 Ogos 2024 ke atas 8,566 responden yang terdiri daripada 4,502 ibu bapa dan penjaga, 1,855 guru, 167 pemimpin sekolah dan 2,042 pelajar Tahun 5.

Hasil yang diperolehi dari kajian ini mendapati 79% ibu bapa menyatakan anak mereka gembira dapat meluangkan lebih masa di sekolah dan 85% ibu bapa membekalkan makanan atau menyediakan duit belanja anak mereka setiap hari. Dapatan ini memberi gambaran bahawa masih terdapat pelajar yang ibu bapa mereka tidak menyediakan makanan atau wang kepada anak mereka.

Sehubungan itu, bagi memastikan kesejahteraan kesemua pelajar terjamin, Kementerian Pendidikan melaksanakan dua inisiatif:

Pertama, Rancangan Permakanan Persekolahan, RPS yang diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan berjumlah 23,472 pelajar dan pelajar yang tinggal di asrama berjumlah 263 pelajar; dan

Kedua, Program Harapan dan Program Anak Harapan yang melibatkan seramai 8,928 pelajar bagi sekolah-sekolah yang mempunyai lebih 50% penerima Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan, BKPT sebagai tambahan kepada program RPS. Penyediaan makanan berkhasiat adalah berpandukan kepada garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Ini adalah untuk menyokong kecergasan fizikal dan kecerdasan mental pelajar-pelajar supaya dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran sekali gus menggalakkan kehadiran mereka ke sekolah secara konsisten. Selain permakanan, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan yang telah dikenal pasti memenuhi syarat-syarat Skim Kebajikan Negara, SKN. Mereka ini menerima bantuan keperluan persekolahan secara tahunan. Program Ri'ayah Wa Mahabbah yang menangani isu ketidakhadiran pelajar ke sekolah secara konsisten juga terus dilaksanakan.

Isu kedua, pendidikan khas. Bagi memastikan pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan pengintegrasian ini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan, antaranya termasuklah memastikan penyediaan guru khas bagi menampung pelajar berkeperluan khas yang semakin meningkat.

Bermula tahun 2023, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pengambilan Guru Pendidikan Khas di peringkat G1 bagi membantu tenaga pengajar pendidikan khas yang sedia ada. Terkini, beberapa lepasan graduan juga telah diambil melalui program Skim Perantisan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain pelajar, kesejahteraan dan kebajikan tenaga pengajar terus menjadi keutamaan. Alhamdulillah bermula 1 Januari 2025 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Cuti Ihsan semasa cuti penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan.

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kaunseling juga giat melaksanakan Program *Reach Out Program for Educators* atau pun *R.O.P.E.S.* Program ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang isu kesihatan dan kesejahteraan mental di kalangan para pemimpin sekolah dan tenaga pengajar. Setakat ini sebanyak 70 buah sekolah telah menyertainya.

Pada tahun 2024, Bengkel Motivasi telah diadakan dan dihadiri oleh semua tenaga pengajar berjumlah 6,341 oleh pakar di bidang yang berkaitan. Bengkel serupa ini akan dijadikan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan. Insya Allah,

Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan tenaga pengajar bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertuan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu ketiga, kurikulum. Dalam memastikan kurikulum Institut Pengajian Tinggi sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pasaran kerja, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh Institusi Pengajian Tinggi, IPT Awam dan Swasta seperti berikut:

Pertama, melantik Jawatankuasa Kurikulum di mana keahliannya bukan sahaja terdiri dari para akademik dan pentadbir institusi tetapi juga pengamal dan profesional dari pihak industri dan agensi awam;

Kedua, penawaran program-program yang diakreditasi oleh badan profesional seperti *Accreditation Board of Engineering and Technology, ABET, European Foundation for Management Development, EFMD* dan *Association of Chartered Certified Accountants, ACCA*;

Ketiga, pelajar akan diberikan pendedahan kepada alam pekerjaan untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari melalui program *internship* ataupun *work attachment*;

Keempat, pengambilan pensyarah sambilan, staf adjung dan *locum tenen* di industri berkaitan; dan

Kelima, penubuhan Jawatankuasa Kumpulan Bertindak yang berperanan dalam memastikan program-program yang ditawarkan di IPT Awam dan Swasta adalah relevan dengan keperluan industri. Jawatankuasa ini turut melibatkan agensi berkaitan termasuk Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, PPTM, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, JPES, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, IBE dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, *BEDB*.

Kementerian Pendidikan juga akan terus membuat Kajian Kepuasan Majikan ataupun *Employer Satisfaction Survey*, yang mengumpulkan maklum balas daripada majikan mengenai kualiti kerja, prestasi dan kecekapan pekerjaan para graduan. Maklumat dari kajian tersebut digunakan bagi meneliti semula program-program pengajian sama ada ianya bersesuaian dan benar-benar memenuhi keperluan dan permintaan indutry yang sentiasa berubah dari masa ke semasa.

Dalam mendokong perekonomian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan akan terus menawarkan progam-program dalam bidang *hospitality* dan *tourism*, antaranya: Di peringkat pengajian tinggi, *Laksamana College of Business* menawarkan program ijazah sarjana muda dalam *International Tourism Management*, di

samping program-program berkaitan di peringkat diploma dan sijil. Manakala Universiti Teknologi Brunei melalui *Tri-Ced* menawarkan kursus pendek dalam bidang *hospitaliti* dan *pelancongan* untuk meningkatkan kemahiran profesional dalam industri ini. Kedua, di peringkat pendidikan teknikal dan vokasional, institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional awam dan swasta juga menawarkan program seperti *Diploma Apprenticeship in Hospitality Management and Operations*, *HNTec in Hospitality Operation*, *NTec in Hotel and Business Tourism* dan *Diploma in Food Preparation and Culinary Arts* dan di peringkat sekolah menengah *BTEC Hospitality Level I and II*, turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar *Special Applied Program, SAP* di Tahun 9, 10 dan 11.

Selain itu, Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam membentuk kursus-kursus di bidang *hospitality* dan *pelancongan* seperti melalui *Manpower Industry Steering Committee Working Group, Hospitality and Tourism* yang dikelola oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan.

Setakat ini, dua program iaitu *Basic Local Host Tourist Guide* dan *Language Course for Tourist Guide* telah diungkayahkan bersama dengan sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan *Pelancongan* dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, L3C Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu yang keempat, perkembangan profesional. Pendidikan yang berkualiti bukan hanya terhad kepada penyediaan kurikulum yang relevan semata-mata. Kurikulum mestilah dapat diterjemahkan dengan baik oleh tenaga pengajar. Justeru pembangunan profesionalisme guru secara berterusan adalah sangat penting. Sepanjang tahun 2024, 116 program telah dilaksanakan, kendalian Unit Tenaga Pengajar yang disertai oleh 8,313 tenaga pengajar dari peringkat rendah, menengah dan tingkatan enam, termasuk penyertaan dari swasta, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pengajian tinggi.

Alhamdulillah, berdasarkan maklum balas peserta secara purata, 99 peratus bersetuju bahawa mereka mendapat kemahiran dan pengetahuan baharu yang dapat mereka aplikasikan di sekolah masing-masing. Kursus yang ditawarkan tidak saja melibatkan perisian kurikulum, teori dan pendekatan pengajaran malahan ianya merangkumi perisian-perisian yang diperincikan dalam Rangka Kerja Piawaian Guru Brunei dan Penilaian Prestasi Guru atau BTS-TPA yang menjelaskan mengenai ekspektasi dan kompetensi guru.

Mengikut data yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara kepada Kementerian Pendidikan, mengenai Kaji Selidik Warga Pendidik, KSWP 2024, yang dilaksanakan pada Julai 2024 yang lalu dan melibatkan seramai 586 warga pendidik, 303

daripada Kementerian Pendidikan dan 124 daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, mendapati bagi soalan sejauh mana anda memahami Standard Guru Brunei, BTS atau Penilaian Perstasi Guru, TPA, 19.7% peserta didapati sangat faham, 55.3% faham, sementara 21.8% tidak faham dan 3.3% sangat tidak faham. Insya Allah, Kementerian Pendidikan akan mempergiat lagi usaha agar peratus guru yang memahami ekspektasi dalam BTS dan TPA ini akan meningkat.

Pendidikan dipengaruhi oleh persekitaran yang sentiasa berubah, justeru untuk mencapai objektif pembelajaran, semua pihak yang terlibat dalam pendidikan perlu menyesuaikan diri dengan pendekatan dan ilmu baharu. Peka dengan perkembangan industri, Kementerian Pendidikan terus memberi keutamaan kepada pembangunan profesional untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru.

Sebagai contoh, *Teacher's Day Conference* dan *School Leaders Convention* menjadi platform untuk mengongsikan amalan-amalan terbaik serta meneroka penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk *Artificial Intelligence*.

Di peringkat Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan Pengajian Tinggi pula, sejak 5 tahun kebelakangan, seramai 248 orang tenaga pengajar *IBTE* telah menjalani latihan penempatan industri.

Pengamal-pengamal industri ataupun *industrial practitioners* dan tenaga profesional juga didatangkan sebagai tenaga *adjunct* untuk memberikan perspektif praktikal dan terkini. Ini bukan sahaja untuk menghasilkan pelajar-pelajar *industry-ready*, malahan juga untuk memastikan *knowledge-transfer* kepada tenaga pengajar di institusi-institusi berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu kelima, pencapaian pelajar dan laluan alternatif. Negara Brunei Darussalam akan sekali lagi menyertai Kajian PISA ataupun *Program for International Student Assessment* pada April 2025. Hasil kajian *PISA 2025* ini akan menjadi rujukan dan sukat-sukat Kementerian Pendidikan dalam menilai keberkesanan sistem pendidikan negara ini. Selain PISA, pencapaian akademik pelajar melalui peperiksaan *national* atau utama juga turut memberikan maklumbalas keberkesanan inisiatif pendidikan.

Alhamdulillah, walaupun terdapat penurunan pernah direkodkan sebelum ini disebabkan oleh gangguan pembelajaran ataupun *learning loss* ekoran wabak *COVID-19*, pencapaian pelajar bagi peperiksaan PSR, 'O' Level, IGCSE dan 'A' Level secara keseluruhannya adalah masih dalam lingkungan trajektori yang meningkat dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Merujuk kepada peperiksaan O Level, pencapaian pelajar

mendapat 5 kredit masih digunakan sebagai sukat-sukat laluan ke pelbagai peringkat pembelajaran. Syarat minima untuk melanjutkan pengajian ke pasca menengah iaitu Pra-Universiti A Level, program-program Diploma dan termasuklah juga *program foundation* adalah memperolehi sekurang-kurangnya 5 O Level.

Amalan ini digunakan bagi institusi-institusi tempatan mahupun luar negara seperti di Malaysia, Australia dan United Kingdom. Tren pencapaian pelajar yang mendapat 3 A Level adalah meningkat dari tahun 2027. Peratus pelajar yang mendapat 3 A Level pada 2024 ialah 72.35% iaitu kenaikan sebanyak 7.03% dari tahun sebelumnya.

Insyallah, dengan keramaian pelajar diperingkat A yang semakin meningkat, kemasukkan ke pengajian tinggi akan lebih kompetitif. Ini akan merangsang pembelajaran menjadi semakin berkualiti.

Dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar diperingkat 'O' Level, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan berbagai inisiatif yang antaranya telah kaola/saya kongsi semasa membuat Ulasan Menteri pada hari Rabu, 5 Mac 2025.

Jika ada yang bertanya, kenapa inisiatif tersebut banyak dilakukan diperingkat rendah? Bermula tahun 2023, satu penilaian iaitu *Students Learning Survey* telah dilaksanakan bertujuan untuk menilai kompetensi pelajar-pelajar

Tahun 2 hingga Tahun 10 dalam literasi, numerasi dan sains. Bermula dengan penglibatan 23,000 pelajar pada tahun 2023 dan 47,000 pelajar pada tahun 2024, penilaian ini telah disertai oleh 197 daripada 204 buah sekolah seluruh negara termasuk sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dapatan dari penilaian ini menunjukkan terdapatnya jurang pencapaian kompetensi di semua peringkat seawal peringkat rendah. Dari dapatan ini, Kementerian Pendidikan telah mengenalkan beberapa program intervensi di semua peringkat dengan memberi tumpuan khas kepada pelajar di peringkat rendah. Pada tahun 2025, penilaian SLS telah dilaksanakan pada 16 Januari hingga 15 Februari yang lalu dengan penglibatan lebih 50,000 pelajar dan data dari penilaian tersebut masih dalam proses penanalisaan.

Kementerian Pendidikan sedia maklum mengenai pentingnya *alternative qualification* bagi pelajar-pelajar yang lebih cenderung kepada bidang kemahiran praktikal. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan ada menawarkan satu laluan alternatif dimana pelajar akan ditawarkan kursus Pearson BTEC ataupun *Business and Technology Education Council*. Pearson BTEC merupakan kelayakan berasaskan kerjaya ataupun *career-based qualification* yang direka bagi mengiktiraf beberapa kemahiran khusus yang diperlukan untuk meneruskan pengajian

keperingkat tinggi atau ke alam pekerjaan dalam bidang-bidang tertentu.

Buat masa ini, program *BTEC* menawarkan 5 pengkhususan iaitu *Art and Design, Hospitality, Business, Creative Media Production* dan *Information Technology*. Alhamdulillah, mulai dengan pengambilan tahun 2024, pelajar-pelajar yang menamatkan *BTEC Level 2 Certificate* dan *BTEC Level 2 Extended Certificate* boleh memohon untuk melanjutkan pelajaran ke *IBTE, Institute Brunei Technical Education* sekiranya berminat. Insya Allah, Kementerian Pendidikan kini sedang dalam rangka pelanjutan tawaran ke peringkat *BTEC Level 3* yang memberi peluang kepada pelajarnya melanjutkan kursus di bidang yang sama diperingkat pengajian tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu keenam, biasiswa. Bertitik tolak dari pencapaian pelajar di peringkat 'A', Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan skim biasiswa bagi melanjutkan pengajian di peringkat seterusnya. Skim biasiswa bermula daripada 50 tahun yang lalu adalah satu dasar pendidikan *meritocracy* yang telah diasaskan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-28. Ianya memberi peluang kepada rakyat yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian institusi - institusi pengajian dalam dan luar negeri.

Setakat ini, jenis-jenis Biasiswa Ke luar Negeri yang ditawarkan adalah satu, Skim Biasiswa Kerajaan Keluar Negeri Umum bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Dan Profesional. Kedua, Program Berkembar University Brunei Darussalam dengan *Partner Medical School dan Partner Dental School* luar negeridalam bidang Perubatan dan Pergigian. Ketiga, Skim Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bagi Tahun 7 hingga Tahun 13. Keempat, Skim Biasiswa Khas *Aircraft Maintenance Engineer, AME* dengan kerjasama *His Majesty Sultan's Flight* dan Royal Brunei bagi peringkat Sarjana Muda dan peringkat Professional. Kelima, Skim Biasiswa Khas dalam bidang Sukan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan. Enam, Skim Biasiswa Khas *Air Traffic Controller* dengan kerjasama Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi peringkat professional dan tujuh, Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan, SBPP bagi peringkat ijazah sarjana muda.

Sementara itu jenis-jenis Biasiswa Dalam Negeri yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Satu, Skim Biasiswa Menengah dan Skim Pra-Universiti di sekolah-sekolah antarabangsa;

Kedua, Skim Biasiswa Khas dalam Bidang Sukan di sekolah-sekolah antarabangsa peringkat Pra-Universiti;

Ketiga, Skim Biasiswa Kerajaan Dalam Negeri ke Institusi Pengajian Tinggi

Awam, IPTA di peringkat Diploma Level 5, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah; dan

Keempat, Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, TVET dengan kerjasama Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, bagi memelihara kesejahteraan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, Kementerian Pendidikan turut menawarkan Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional, BPTV untuk mengikuti pengajian di institusi Pengajian Tinggi Swasta di peringkat 1 hingga 4 dalam Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam, BDQF. Ini mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan dalam penyediaan pendidikan yang inklusif untuk semua pelajar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan menggalas amanah yang sangat besar dalam menghasilkan rakyat yang berkemahiran, berpendidikan dan *career-resilient*, untuk menjamin pembangunan negara yang mampan. Usaha ini memerlukan kerjasama kolektif daripada sektor kerajaan, swasta dan masyarakat.

Justeru, dikesempatan ini, kaola/saya dengan rendah hati mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak membantu dan menyokong Kementerian Pendidikan dalam menanai tanggungjawab yang penuh dengan cabaran ini. Setinggi-tinggi tahniah juga kaola/saya tujukan kepada semua warga

Kementerian Pendidikan, khususnya tenaga-tenaga pengajar atas segala usaha dan pengorbanan untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak bangsa kitani. Kaola/saya tidak dapat membalas jasa dan pengorbanan abiskita semua selain hanya mampu berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalasnya dengan keberkatan dan rahmat yang melimpah, serta ganjaran pahala yang besar. Amin Amin Ya Rabbal 'alamin.

Sebelum kaola/saya mengakhiri perkongsian ini, kaola/saya ingin menambah sedikit pencerahan mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman pada hari Khamis mengenai data kes-kes buli. Menurut data, seramai 447 pelajar telah dilaporkan melakukan kesalahan dalam kes buli pada tahun 2024. Pelajar lelaki merupakan pelajar yang ramai melakukan kesalahan buli dengan 292 berbanding 155 pelajar perempuan. Sementara diperingkat pengajian tinggi bagi tahun 2022-2024, terdapat 7 kes buli dilaporkan yang melibatkan 5 pelajar lelaki dan 2 pelajar perempuan.

Demikianlah saja yang dapat kaola/saya kongsi setakat ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira sudahlah adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama 15 minit dan kita akan

menyambung semula mesyuarat ini nanti.

**(Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

Sekarang Majlis Mesyuarat bersidang semula dan kita akan beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Dasar.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang 2025, Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan dalam perbahasan peringkat dasar.

Sekarang, kita akan beralih kepada ulasan menteri. Saya ingin sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memberikan ulasannya. Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Doa dibaca)*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati

Allah dan yang peramba/kaola/saya hormati. Terlebih dahulu izinkan kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang untuk menyampaikan ulasan berkaitan fokus belanjawan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2025/2026 di Dewan yang mulia ini.

Di awal kesempatan ini, peramba/kaola/saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnian perkenan bagi penyediaan peruntukan sebanyak \$552,343,750.00, iaitu sebanyak \$324,296,400.00 bagi gaji kakitangan dan sebanyak \$228,047,350.00 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Sukacita dimaklumkan bahawa anggaran perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dirangka dengan memberikan penekanan kepada matlamat dan keutamaan perbelanjaan yang mendukung Tema Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2025/2026: 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' juga pelan strategik

Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya.

Sebagai penggerak utama dalam pentadbiran kerajaan, Jabatan Perdana Menteri menjunjung sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan cemerlang yang menjadi tunjang kepada pembangunan ekonomi negara yang mampan di samping memastikan kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dipelihara. Ini adalah juga sejajar dengan visi Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri, iaitu Kepimpinan dan Urustadbir yang Cemerlang dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menggariskan pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berpandukan 3 keutamaan belanjawan negara yang telah ditetapkan.

Keutamaan pertama, iaitu meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam. Alhamdulillah, Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensinya telah merangka pelbagai strategi untuk memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan negara. Pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* terus saja ditekankan dan dalam mana agensi-agensi keselamatan negara bekerjasama rapat dengan masyarakat awam dalam sama-sama menjaga keselamatan dan keamanan negara ini.

Dalam aspek keselamatan awam, satu inisiatif baru yang dipelopori menerusi Program Pengukuhan Fiskal Negara, *fiscal consolidation* akan dilaksanakan iaitu projek penyewaan kenderaan dan motosikal untuk agensi-agensi penguatkuasa. Projek ini melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri yang mana akan mempertingkatkan lagi *respond time* dalam menangani sebarang kejadian di samping meningkatkan keterlihatan, *visibility* mereka di kalangan komuniti dan membina keyakinan awam terhadap keberadaan agensi-agensi penguatkuasa. Sehubungan ini, sebuah Jawatankuasa Pandu Perolehan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi menunduki proses-proses perolehan kenderaan-kenderaan tersebut.

Dalam masa yang sama, pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga sedang melaksanakan transformasi sistem pengambilan kakitangan melalui inisiatif *Smart Screening* dan *Process Validation* pemohon bertujuan untuk mempermudah dan mempercepatkan proses pengambilan di kementerian-kementerian. Selain itu Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence*, AI merupakan daya pengubah terkini yang mendorong kepada peningkatan kecekapan, inovasi dan memberi keputusan dalam membantu sektor perkhidmatan awam pada masa kini.

Salah satu inisiatif Jabatan Perdana Menteri dalam usaha menerapkan AI

dalam perkhidmatan awam adalah melalui kolaborasi di antara Jabatan Perkhidmatan Awam bersama pihak *Commonwealth*. Untuk itu, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam proses menguji kaji kecekapan serta *toolkit* yang dinamakan *StrategusAI toolkit* yang telah disediakan oleh *Commonwealth Artificial Intelligence Consortium*, CAIC. *Toolkit* ini dihasrat untuk digunakan oleh kementerian-kementerian khususnya bagi penggubalan dasar dan peraturan dengan menggunakan *artificial intelligence*. Dalam memelihara keharmonian bernegara, agensi-agensi media rasmi kerajaan melalui Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan akan terus berperanan sebagai saluran utama maklumat kerajaan secara tepat dan berkesan melalui pelbagai *platform* media. Kerjasama erat antara media kerajaan adalah sangat penting dalam membina kefahaman rakyat terhadap dasar dan inisiatif kerajaan. Di samping itu, pendekatan akar umbi akan sentiasa diperkukuh sebagai jambatan perhubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat dalam memastikan setiap maklum balas dapat ditangani sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beralih kepada keutamaan kedua, iaitu memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan sebagai peneraju. Jabatan Perdana Menteri komited untuk memastikan penggubalan dan pelaksanaan dasar yang berkesan.

Ke arah ini, Jabatan Perdana Menteri mengambil pendekatan yang lebih tersusun khasnya menerusi Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Tetap yang menggalakkan perbincangan yang fokus kepada penyelarasan dasar-dasar kerajaan dan sinergi kerjasama yang kukuh ke arah mencapai kesepakatan secara *informed decision*.

Dalam konteks *Economic Blueprint Wawasan Brunei 2035*, selain daripada menerajui usaha-usaha mengekalkan sektor hulu, Jabatan Tenaga juga turut memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur tenaga untuk menyokong agenda mempelbagaikan dan memperkembangkan ekonomi. Ini termasuk peralihan kepada sektor-sektor baru seperti teknologi hijau, pembuatan dan inovasi digital. Seiring dengan itu, negara akan terus memajukan sektor hiliran minyak dan gas yang memberi impak positif kepada ekonomi. Walaupun sektor ini giat dimajukan banyak lagi potensi yang masih saja terus diterokai terutamanya dalam meningkatkan nilai tambah produk hiliran.

Melalui fasa kedua logi penapisan Hengyi yang giat dirancang, negara akan semakin kukuh sebagai pengeluar produk kimia dan petrokimia bernilai tinggi. Ini bukan saja meningkatkan daya saing negara di rantau ini tetapi juga membuka peluang untuk negara kitani menjadi pemain utama dalam industri petrokimia global, menyokong ekonomi yang lebih diversifikasi dan berdaya saing. Namun yang demikian, bekalan mentah khususnya adalah khas penting dalam pembangunan industri-industri

hiliran. Minyak mentah yang dihasilkan dalam negeri diutamakan untuk keperluan domestik manakala selebihnya di~~export~~ mengikut kadar pasaran yang memaksimakan nilainya demi kepentingan negara.

Keperluan minyak mentah bagi industri hiliran pula adalah diimport dan diproses untuk di~~export~~ dengan nilai yang lebih tinggi. Dengan logi petrokimia di Pulau Muara Besar, negara mempunyai keupayaan untuk mengimport minyak mentah sebanyak 175 ribu tong sehari jumlah yang dijangka meningkat dengan fasa kedua nanti. Dengan infrastruktur yang sedia ada, ianya mengukuhkan kemampuan negara dalam membekalkan minyak mentah yang mencukupi bagi keperluan domestik dan industri hiliran. Manakala bagi industri hiliran yang berunsurkan gas pula, kerjasama rapat bersama syarikat-syarikat pengendali yang berkenaan terus diadakan untuk memastikan pengeluaran sumber ini terus dimaksimakan.

Usaha-usaha ini diharap akan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi industri hiliran, menjamin keperluan dan sekuriti bekalan bahan api domestik sambil menjana pembangunan ekonomi negara termasuk membuka peluang-peluang pekerjaan dan perusahaan baru bagi anak tempatan. Menyentuh mengenai dengan pekerjaan anak tempatan di sektor hiliran yang semakin berkembang maju, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri terus memperkukuhkan kesiapsiagaan tenaga kerja tempatan khususnya dalam jawatan pengurusan termasuk yang

berunsur teknikal. Ini termasuk penguatkuasaan arahan di syarikat hulu dan hiliran bagi memastikan ketersediaan kepakaran yang sebanding dengan keperluan masa hadapan melalui pemantauan, pelan penggantian dan penggunaan kompetensi. Dalam membangunkan kepakaran peringkat permulaan pula, inisiatif industri-industri baru yang ada adalah menggalakkan. Syarikat *Hengyi Industry* telah menawarkan biasiswa kepakaran kepada lebih daripada 900 graduan bagi melanjutkan pengajian dalam bidang spesifik yang diperlukan untuk Fasa Pertama dan juga bagi Fasa Kedua di masa akan datang. Manakala Syarikat Brunei Fertilizer Industries dan Syarikat Brunei Methanol Company juga mempunyai program-program pembangunan dan Rangka Kerja Kompetensi tersendiri melalui Program Penempatan dan Pertukaran Latihan. Pendekatan-pendekatan ini Insya Allah akan meningkatkan lagi kebolehan, kepakaran dan kepimpinan mereka dalam industri hiliran.

Dari segi pengawal seliaan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dan Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar SHENA mempunyai skim perkhidmatan yang kukuh dan kompetitif yang mengutamakan kelayakan, kepakaran serta pengalaman teknikal bagi menangani isu kompleks sektor ini. Di samping perkembangan ini, Negara terus sahaja komited kepada Perjanjian Paris dengan sasaran pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau, GHG sebanyak 20 peratus di dalam tahun

2030 dan selaras ini pengemaskinian terhadap Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Brunei Darussalam, BNCCP sedang dilaksanakan dengan strategi dan sasaran baru menjelang 2035.

Dalam hubungan ini, adalah penting untuk mengimbangi penggunaan sumber negara. Antara tindakan iklim terutamanya dalam aspek adaptasi dan pertumbuhan ekonomi bagi memastikan pembangunan yang mampan dan berdaya tahan. Kajian usaha ini bergantung pada sokongan kewangan yang mencukupi, pembangunan kapasiti yang berterusan dan kemajuan teknologi yang berinovatif bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan serta mampan.

Sebagai tuan rumah *ASEAN Center for Climate Change*, ACCC Brunei Darussalam turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama serantau, mempercepatkan pembangunan kapasiti dan memajukan penyelesaian iklim yang inovatif di rantau ini. Pada masa yang sama usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi keterjaminan tenaga dengan mempelbagaikan sumber termasuk tenaga alternatif serta mengoptimalkan penggunaan tenaga ke arah yang lebih rendah karbon menerusi langkah-langkah perolehan tenaga turut dititik beratkan. Ini termasuk meningkatkan pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui dan penggunaan yang lebih cekap dari segi amalan dan juga penggunaan teknologi.

Dalam memastikan kebersamaanya, pemantauan rapi dilaksanakan dengan berpandukan kepada *Outcome Based KPI* atas sasaran *KPI* Jangka Masa Panjang yang telah ditetapkan seperti meningkatkan pemasangan kapasiti penjanaan tenaga elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui melebihi 30 peratus daripada jumlah penjanaan dan meningkatkan kadar kecekapan penjanaan elektrik lebih daripada 50 peratus menjelang tahun 2035.

Kemajuan turut dilaporkan di Jawatankuasa Pandu Kecekapan dan Keselamatan Tenaga setiap bulan bagi memantau pencapaian sasaran-sasaran ini secara bersepadu termasuk bersama-sama menangani cabaran yang boleh mempengaruhi kemajuan yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola seterusnya mengongsikan secara ringkas mengenai dengan keutamaan ketiga iaitu Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan. Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan program-program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran kepada Penjawat Awam di negara ini.

Salah satu usaha utama adalah Program Penempatan Kerja khususnya Program Perkembangan Perkhidmatan Awam ke Republik Singapura. Alhamdulillah, program ini terus membawa manfaat besar kepada pegawai-pegawai cemerlang kita. Ianya bukan sahaja membuka peluang, pertukaran idea dan

pengalaman malah mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Sukacita juga mengongsikan, bahawa kohot kedua program ini seramai 5 orang telah bermula pada Oktober 2024 untuk tempoh selama 1 tahun.

Jabatan Perdana Menteri menerusi Institusi Perkhidmatan Awam juga melaksanakan program pembangunan di bawah *Civil Service Leadership Pipeline, CSLP* untuk mempersiapkan pegawai-pegawai bagi memegang jawatan kepimpinan di masa hadapan. Ini termasuk kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa untuk memperkaya modal-modal latihan selaras dengan usaha mendapatkan akreditasi-akreditasi antarabangsa bagi mencapai matlamatnya menjadi Pusat Kecemerlangan, *Center of Excellence*.

Dalam usaha mengukuhkan Kompetensi Perkhidmatan Awam, Institut Perkhidmatan Awam akan terus menawarkan kursus-kursus yang dirancang melalui analisa keperluan latihan. Program ini seiring dengan perlaksanaan inisiatif *Strategic Workforce Audit and Planning, SWAP* oleh Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan menilai dan mengoptimalkan keperluan tenaga kerja disetiap agensi kerajaan. Kedua-dua usaha ini Insya Allah akan meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor awam untuk jangka masa panjang. Pada masa yang sama juga, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, MPTMP juga turut telah memperkenalkan program-program baharu untuk membangunkan

bakat tempatan seperti *Clinical Supervisory Program* untuk graduan *Allied Health Professionals* dan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, SkIPPA yang menawarkan Latihan Dalam Perkhidmatan Awam selama 12 bulan.

Sukacita juga, kaola memaklumkan bahawa sebagaimana jua pada tahun-tahun sebelumnya Program Pengukuhan Fiskal akan terus menjadi teras utama dalam pengurusan kewangan kerajaan. Jabatan Perdana Menteri akan memastikan setiap perbelanjaan memberi nilai yang optimum dan dilaksanakan dengan penuh berhemah dengan fokus kepada bidang-bidang yang berkeutamaan tinggi. Melalui kawalan dalaman yang mantap disetiap jabatan, kita dapat memastikan setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mencapai matlamat yang disasarkan.

Insya Allah dengan izin daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa terpandu oleh keutamaan-keutamaan di bawah setiap matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan terus menekankan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation* dalam perencanaan dan pelaksanaan strategi-strategi yang diterajuinya. Sekianlah sahaja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai cadangan Belanjawan, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi

Tahun Kewangan 2025/2026, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sebelum mengakhirinya kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah di bawah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei memandangkan jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan isu-isu yang akan dibincangkan mungkin bersifat sensitif serta tidak sesuai dibincangkan secara terbuka, kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Yang Di-Pertua agar bajet bagi jabatan tersebut tidak perlu dibincangkan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Bismillahir rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada kaola untuk menyertai Sesi Perbahasan Peringkat Dasar iaitu Perbahasan berkenaan Rang Undang-Undang 2025, Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dibacakan, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah sesungguhnya kaola sukacita menyatakan kepercayaan bahawa dewan ini adalah menyambut baik pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Rata-rata Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Di Lantik terutamanya yang telah berucap sepakat menyifatkannya sebagai suatu pembentangan yang komprehensif dan informatif yang jelas dengan butir-butir perkaranya berlandasan serta berhala tujuan sebagai pernyataan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khiari Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah kerajaan yang sangat konsisten pada melaksanakan tanggungjawab untuk membangun dan

memajukan negara demi memelihara kesejahteraan serta kebajikan rakyat yang taat setia menjunjung tinggi pemerintah beraja yang adil, berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia.

Maka sebagai sebahagian daripada jentera pemerintahan yang sedemikian itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah akan terus dan sentiasa berbasah berkaring dengan fungsi tanggungjawab menyedia dan memberikan perkhidmatan dalam bidang ugama sebaik dan secemerlang yang mungkin. Bagi maksud-maksud itu, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dalam memperuntukan dan peruntukan ini, abis kaola sangat menjunjung kasih setinggi-tingginya iaitu peruntukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, sejumlah peruntukan Belanjaan Tahunan untuknya beroperasi dan sejumlah lagi untuk Belanjawan Kemajuan atau Pembangunan. Kedua-duanya terkandung dalam Rang Belanjawan yang dibentangkan untuk disokong dan seterusnya untuk diluluskan.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam pembentangannya, kaola memohon izin untuk memetik pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola petik bahawa Belanjawan ini bukan sekadar rancangan tahunan, ianya adalah langkah strategik yang berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan satu komitmen bersama untuk memastikan kemakmuran dan

kedayatahanan negara yang berterusan. Dalam kontek itulah juga, Peruntukan Belanjawan Tahun 2025/2026 yang telah diperuntukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pebelanjaan biasa sebanyak \$278,601,600.00 sementara perbelajaan kemajuan sebanyak \$10,836,153.00 dengan harga rancangan RKN-12 adalah sebanyak \$191,369,155.00. Syukur Alhamdulillah. Dengan peruntukan yang di sokong itulah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat meneruskan perlaksanaan amanahnya iaitu perkhidmatan ugama bagi pengukuhan penghayatan beragama dalam kalangan masyarakat di negara ini dengan Visi Memperkasa Perkhidmatan Ugama Yang Berkualiti dan Berinovatif dan Misi Mengetarakan Urus Tadbir Perkhidmatan Ugama Secara Berkesan dan Berinovasi bagi Pembangunan dan Kesejahteraan Negara. Ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, adalah yang dilaksanakan lima teras strategik yang mendukung Wawasan Brunei 2035.

Pertama ialah memperkasa ugama berkualiti iaitu sebagai peneraju bersama Kementerian Pendidikan. Yang kedua, penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berinovatif dan yang ketiga, dakwah dan kesejahteraan sosial yang inklusif. Keempat, keutuhan modal insan yang mampan dan yang kelima, penerokaan peluang-peluang pembangunan ekonomi yang dinamik. Dengan bidang pendidikan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa komited dalam

memperkasa sistem pendidikan ugama di negara ini yang mana sebahagian besar dari jumlah peruntukan tahunan adalah bagi bidang pendidikan ugama meliputi persekolahan rendah dan menengah ugama Arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, KUPUSB serta meliputi juga perbelanjaan bagi pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa yang dikurniakan biasiswa penuh, belajar di peringkat 'A' di sekolah-sekolah menengah terpilih di dalam negeri, di pusat-pusat pengajian tinggi di Mesir, Jordan, Malaysia dan UK.

Berkaitan dengan pengintergrasian mata pembelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum bagi murid-murid berumur 5 ke 10 tahun, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah mendukung penuh pelaksanaannya dan turut berperanan secara langsung melalui Jawatankuasa Tertingginya yang dipengerusi bersama oleh kedua-dua Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Ugama. Jawatankuasa ini memfokuskan kepada 4 bahagian utama iaitu Bahagian Sukatan Pelajaran Kokurikulum dan Penilaian, Bahagian Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan, Bahagian Program Perkembangan Profesional dan Latihan, Bahagian Prasarana dan Kemudahan dan Bahagian Perhubungan dan Komunikasi.

Dengan pelaksanaan perintergrasi ini, persekolahan ugama masih wujud dan Insya Allah dan akan dikekalkan sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam semasa lawatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 4 haribulan November tahun 2023. Baginda menyebutkan, iaitu "sehubungan dengan ini, sehubungan dengan integrasi perlu beta tegaskan tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah ugama. Sekolah ugama adalah rangkaian dari MIB dan salah satu jati diri negara yang kita banggakan." Begitulah titah yang merupakan azam negara untuk mengekalkan sistem pendidikan ugama melalui persekolahan ugama dan arab.

Untuk itu, persekolahan ugama arab sedang dalam kajian bagi dikemaskinikan. Dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kajian adalah pemikiran sedang diteliti dengan pengemaskinian adalah dihubungkan dengan sekolah arab sekarang untuk kekal diselaraskan dan dilaksanakan sesuai dengan tujuan asal penubuhannya seperti yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28 sewaktu baginda meletakkan batu asas pembinaan Sekolah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah pada April tahun 1964. Almarhum bertitah, "Maka Kerajaan sudah menyedari betapa sudahlah tiba pada masanya," bisai ni, "sudahlah tiba pada masanya diadakan Sekolah Arab Ugama dengan mempunyai dasar-dasar pelajaran yang sesuai menurut laila kemajuan zaman iaitu bukan sahaja di pengajaran ilmu-ilmu pengetahuan syarak dan bahasa arab akan juga ilmu

pengetahuan kenegaraan dan laila keduniaan untuk melayakkan murid-murid yang berkelulusan di sekolah menengah ini akan dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi di luar negara." Demikian titah Al-Marhum pada masa itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya, kaola merujuk sepertimana kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhubung dengan kejayaan utama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 di bawah matlamat satu, berkiatan dengan peningkatan pencapaian negara dalam bidang pendidikan dalam pusat-pusat pengajian tinggi UBD, UNISSA dan UTB dalam *ranking* pusat pengajian tinggi antarabangsa dan pencapaian yang membanggakan persekolahan rendah peringkat PISA, Program *International Student Assessment* iaitu dalam 3 domain mata pelajaran iaitu *Literacy*, *Science* dan Matematik iaitu pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2018.

Alhamdulillah, kaola menyebutkan satu perkara bahawa pencapaian yang membanggakan sebagai kayu ukur mutu pendidikan dan persekolahan negara di peringkat antarabangsa itu, sekolah rendah di peringkat antarabangsa itu adalah turut sama didukung oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui penyertaan oleh beberapa buah sekolah ugama arab dan institut-institut tahfiz di samping beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta yang terpilih untuk mengikuti penilaian dalam ketiga-tiga domain berkenaan.

Begitulah, Yang Berhormat Di-Pertua, pencapaian-pencapaian di bidang pendidikan dan persekolahan pada masa ini menjadi ukuran kepentingan menggembleng usaha meningkat dan memajukan mutu pendidikan dan persekolahan bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dalam Wawasan Brunei 2035 itu.

Peranan Kementerian Hal Ehwal Uagama ke arah itu adalah menerusi persekolahan uagama arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga maktab Kolej Universiti Perguruan Uagama Seri Begawan.

Setakat yang diukur dari pencapaian pelajar-pelajar sekolah berkenaan dalam peperiksaan awam adalah terus menunjukkan trend peningkatan, peperiksaan awam bagi sekolah arab dan uagama.

Alhamdulillah, perkara ini sangat disyukuri dan dapat dilihat melalui pencapaian sekolah-sekolah arab di peringkat rendah melalui peperiksaan PSR yang masih terus mengekalkan kecemerlangannya dengan pencapaian 97.19% yang memperolehi gred A hingga C.

Demikian juga bagi pencapaian di peringkat menengah yang juga turut meningkat khususnya bagi pelajar sekolah arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, iaitu seramai 50.78% pelajarnya berjaya mencapai 5 'O' Level/ ke atas berbanding

dengan pencapaian peringkat kebangsaan sebanyak 44.17%.

Trend peningkatan pencapaian dalam peperiksaan awam bagi sijil-sijil pelajaran uagama arab peringkat rendah SSRU, SPUB dan SPTUB kesemuanya itu juga menandakan betapa bijaksana dan berwawasannya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berazam mengekalkan persekolahan uagama, iaitu dalam Sistem Pendidikan Negara yang setentunya akan terus menyumbang kepada pengukuhan kehidupan beragama, masyarakat, kerajaan dan negara pada masa ini dan masa-masa akan datang dalam era pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan era-era selanjutnya.

Kaola sukacita menyebutkan bahawa apa pun pencapaian rakyat dan negara dalam era wawasan dan era-era selanjutnya negara, apa pun pencapaiannya, ertinya kita berjaya dengan peratus yang baik atau kita sederhana saja ataupun tidak berjaya mencapainya pada tahun 2035 dan dalam usaha-usaha kitani melakukannya, negara telah sebenarnya Yang Berhormat Pehin, negara telah menetapkan dalam ketiga-tiga matlamatnya satu pernyataan yang didokumentasikan ke dalam Buku Pembangunan Jangka Panjang yang diterbitkan pada tahun 1997, bahawa ke arah mencapai wawasan ini kita bersatu dalam 3 perkara:

Pertama, bersatu kita dalam kesetiaan kepada sultan dan negara;

Kedua, keyakinan terhadap nilai-nilai islam; dan

Ketiga, keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Tentu sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam hal ini dan Majlis Ugama Islam juga sebagai Lembaga Penasihat Tertinggi dalam perkara ugama menurut perlembagaan yang juga berada dalam *area* perkhidmatan ugama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam adalah sangat komited untuk memastikan roh dan semangat dan azam persatuan ini terpelihara dengan kukuh menerusi pendidikan Islam dan persekolahan ugama di semua peringkat sampai ke peringkat pengajian tinggi disertai dengan usaha-usaha dalam bidang-bidang lain khasnya dakwah, masjid, zakat dan wakaf, undang-undang dan perundangan khasnya perundangan syariah dan tidak kurang penting berperanan ialah kawalan permakanan halal dan lain-lain perkhidmatan ugama yang disediakan peruntukan belanjawannya.

Oleh itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah terus komited untuk mengukuhkan penghayatan beragama di negara ini melalui beberapa inisiatif utama:

Pertama, memperkasa pendidikan Al-Quran melalui pengukuhan kemahiran pembacaan Al-Quran di semua peringkat

persekolahan termasuk dari sudut tadabbur, hafazan dan tarannum. Selain itu ialah dalam format penerbitan bercetak ialah juga dalam format aplikasi yang juga dilengkapi audio bacaan oleh hafiz tempatan yang lengkap 30 juzuk yang sekali gus menjadi nilai dan penanda aras kemahiran dan pencapaian negara dalam hafazan dan tilawah di peringkat serantau dan antarabangsa.

Audio bacaan 30 juzuk ini dimanfaatkan dengan baik dan dengan tujuan untuk meluaskannya dengan menyiarkannya melalui siaran Al-Quran gelombangnya ni ah 89.1 FM dan gelombang 99.7 FM dengan kerjasama KRISTALfm yang bersiaran secara berterusan 24 jam. Aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 42,500 pengguna setakat 4 Mac 2025, beberapa hari yang lalu;

Kedua, meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia melalui latihan *professional* dan pembangunan kemahiran bagi tenaga pengajar dan tenaga kerja bukan pengajar;

Ketiga, memperkasa dan mengemaskinikan kurikulum pendidikan ugama berpandu kepada peruntukan perlembagaan negara dalam perkara ugama;

Keempat, meningkatkan aspek kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan dari segi infrastuktur sekolah arab, sekolah-sekolah ugama dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi menjamin

persekitaran pembelajaran yang kondusif selamat dan selesa; dan

Kelima, meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam pendidikan ugama, dakwah dan pengurusan melalui pendedahan dan pembudayaan dalam kalangan warga kerja termasuk di peringkat sekolah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita seterusnya menyebutkan Perkhidmatan Haji Dan Umrah, yang mana Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji, alhamdulillah sebagaimana juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Ekonomi II dalam pembentangannya menyentuh sedikit hal ini, iaitu Jabatan Urusan Haji, alhamdulillah telah melancarkan sistem pendaftaran haji dalam talian, iaitu yang dinamakan BruHaj pada 20 Januari 2025.

Penggunaan sistem BruHaj ini telah membantu pihak kementerian dalam meningkatkan keberkesanan tadbir urus perkhidmatan Haji khususnya dalam proses pendaftaran dan pengurusan bakal-bakal jemaah Haji yang lebih sistematik dan teratur.

Inisiatif baru ini telah memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mendaftar dari rumah, di mana-mana, bahkan bagi rakyat kitani yang berada di luar negeri untuk mendaftar dan dalam masa yang sama pendaftaran melalui sistem ini juga memberikan peluang

kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak atau cucu mereka yang berumur yang di bawah umur 10 tahun atau yang dalam masih umur kanak-kanak damit lagipun, boleh didaftarkan sebagai persiapan masa depan.

Jadi apabila mereka itu didaftarkan katalah pada tahun ini, dalam tempoh menunggunya 25 tahun maka kalau umurnya pada masa ini 10 tahun, pada masa 35 tahun, ia akan mendapat peluangnya, gilirannya untuk naik Haji tertakluk kepada persiapannya dari segi kewangan dan sebagainya dan kerana itulah kalau dilakukan pada masa ini, perancangan kewangan dapat dilakukan dari awal. Begitulah hasrat yang dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sekaligus untuk menggalakkan penabungan di kalangan keluarga.

Kemudian dalam masa yang sama juga, kitani mendapati kecenderungan ahli-ahli masyarakat kitani, ramai-ramai untuk menunaikan umrah dengan peraturan-peraturan yang sekarang ini sudah dilonggarkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Angka orang ramai kitani, rakyat kitani yang menunaikan umrah dalam hitungan 6 tahun dari tahun 2018 sehingga tahun 2024, 2025 sekarang ini tidak termasuk tahun 2021 pasal ada *post* larangan untuk umrah, adalah seramai 21,933 orang.

Kalau dicampur dengan angka yang dalam masuk 3 bulan ini sudah mencapai 22 ribu lah kira-kira, yang meningkat mendorong penubuhan

agensi-agensi pengendali atau penganjur umrah meningkat menjadi sebanyak 32 agensi syarikat-syarikat pelancongan yang mendapat kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah menggunakan visa pelancong meningkat kepada 32 buah sebagaimana sekarang.

Sementara itu, dalam ehwal zakat, kaola sukacita menyebutkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Zakat dan Wakaf, pada masa ini adalah menyantuni seramai 1620 buah keluarga iaitu keluarga dengan keramaian tanggungan 2,926 orang.

Mereka itu adalah asnaf zakat terdiri daripada fakir miskin. Mereka adalah bilangan asnaf yang telah diluluskan dalam tahun 2024 yang lalu, yang mana mereka menerima agihan zakat untuk selama 1 tahun atau 2 tahun dan menerima wang agihan masing-masing melalui akaun bank.

Selain itu, bagi menjaga kesejahteraan rakyat dalam kategori asnaf zakat yang sangat memerlukan kediaman, mereka itu telah diberikan bantuan agihan zakat dengan membangunkan rumah kekal di samping agihan sewa rumah, manamana yang memerlukan tertakluk kepada kelayakan-kelayakan yang boleh ditimbangkan.

Dan sukacita kaola menyatakan bahawa semenjak tahun 2009, sudah ada sebanyak 125 buah rumah-rumah kekal yang telah dibina untuk asnaf fakir miskin

dan muallaf dan pada tahun 2025 ini ada 13 buah lagi dalam pelaksanaan dan selanjutnya ada 328 buah lagi sedang dalam penelitian dan untuk ditimbangkan.

Kesemua ini adalah inisiatif yang termasuk bagi mensejahterakan rakyat dalam memenuhi hala tuju Wawasan Brunei 2035 itu, di mana Kementerian Hal Ehwal Ugama turut aktif dengan sewajarnya.

Sesungguhnya mengenai kesejahteraan rakyat yang kitani jangkakan untuk dicapai dalam Wawasan 2035, 10 tahun lagi dari sekarang, kitani tentulah berhasrat akan menggembelng tenaga memandang kepada pencapaian pada masa ini, ertinya keperluan kepada perumahan masih lagi banyak ramai yang menunggu, kadar pengangguran masih lagi kitani hadapi, maka kitani akan menggembelng tenaga bukan saja dikalangan sesama Kerajaan bahkan juga semua kalangan di luar Kerajaan, yang mana sebahagiannya adalah bersama-sama kitani dalam bidang ekonomi dan tentulah kitani akan juga merangkum semua dan merangkul semua unsur-unsur yang berpotensi untuk bersama-sama kitani ke arah mencapai hasrat itu.

Kerana kalau berdasarkan penglihatan kaola sebagai orang tua-tua ani Pehin, orang tua yang sudah berumur, melihat keadaan sekarang ani dengan mengukur 10 tahun yang ada, yang tinggal, akan jurang antara yang berada dan tidak berada, yang berkesempatan untuk

maju dan dimajukan dengan yang tidak berkesempatan untuk maju dan dimajukan, sudah ada sekarang ini dan jurang itu pada masa akan datang, kalau tren ini terus berkembang seperti masa sekarang.

Maka jurang itu akan lebih besar, akan lebih besar dan jauh dan mungkin kalau kitani menunduki ke bawah, ibarat nya orang, menimbulkan rasa ngilu hati, ngeri rasa perasaan kerana itu jangan kitani merasakan ianya akan menjadikan kitani apa namanya tu, berperasaan takut dan sebagainya, tapi mestilah kitani berperasaan bersedia menghadapinya dengan usaha-usaha.

Usaha-usaha itu termasuk yang paling penting sekarang ini ialah adanya *team* ekonomi kitani, *team* orang-orang professional kitani dalam banyak bidang ekonomi dan bidang-bidang yang lain untuk bersama-sama mengusahakan apa yang terbaik untuk Brunei pada masa akan datang. Insya Allah kitani percayalah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mensia-siakan usaha mana-mana yang berkebakjian.

Kaola menyudahi ucapan ini dengan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pehin dan mengucapkan selamat meneruskan berpuasa dalam bulan Ramadhan ini, berpuasalah dengan Imanan wahtisaban Lillahi Ta'ala iaitu dengan penuh keimanan kepada Allah, mematuhi apa-apa jua yang terlarang dalam puasa dan sambil menaruh harapan untuk mendapat keampunan serta keredhaan Allah.

(*Doa dibaca*). Selamat berpuasa. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan ulasan berkaitan beberapa isu yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Mengenai Rancangan kemajuan Ekonomi, kaola ingin menyampaikan beberapa ulasan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, terhadap perkara-perkara mengenai dengan *variation order* dan projek-projek RKN.

Pertama, berhubung dengan langkah-langkah bagi mengelakkan *variation*

*order* yang menyebabkan peningkatan kos melainkan benar-benar diperlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam projek-projek kerajaan, *variation order* lazimnya diteliti dengan terperinci keperluannya dan terdapat *control mechanism* dari segi proses-proses kebenaran berpanduan Garispanduan Perolehan Kerajaan, 2022. Pesanan perubahan ataupun *variation order* boleh dipertimbangkan jika disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:-

Pertama, perubahan spesifikasi, modal, jenis dan rekabentuk setelah mengambilkira *value for money* dan *value engineering* yang disebabkan oleh perubahan teknikal, inovasi teknologi dan perubahan metodologi pembinaan;

Kedua, kerja tambahan yang tidak dapat dipisahkan daripada kerja asal dan jika ianya dilaksanakan secara berasingan ianya akan mempunyai impak kepada penyiapan projek;

Ketiga, perubahan atau tambahan disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangkakan, *unforeseen circumstances* yang diperlukan untuk penyiapan projek; dan

Keempat, perkara-perkara yang melibatkan perubahan undang-undang atau peraturan kerajaan perubahan yang diperlukan disebabkan oleh keperluan kesihatan, keselamatan dan

alam sekitar ataupun *Health, Safety and Environment*.

Berkenaan projek Pusat Kesihatan di Kampung Pandan, perkara ini telah dibincangkan sebelumnya untuk dilaksanakan secara public private partnership di bawah Jawatankuasa Khas Pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta, yang mana pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui *PCube Sdn Bhd* sekarang dikenali sebagai *Commercial Advisory Unit* di *BEDB* telahpun membantu pihak Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan penilaian awal dalam kebolehlaksanaannya secara PPP.

Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengambil maklum bahawa Kementerian Kesihatan telah menerima kebenaran untuk meneruskan proses untuk mengeluarkan *Pre-Qualification Questionnaires* dan *Request For Proposal* untuk pembangunan projek tersebut secara komersial dengan penggunaan kaedah PPP. Pada masa ini, projek tersebut masih lagi dalam proses pembincangan dengan pihak *BEDB* bagi pengeluaran *Pre-Qualification Questionnaires*.

Manakala itu, berhubung dengan penurunan peruntukan RKN, seperti yang kaola telah terangkan di dalam sesi pembentangan Belanjawan yang lalu, walaupun peruntukan RKN 12 pada Tahun Kewangan 2025/2026 sedikit menurun, ianya dijangkakan mencukupi untuk menampung *progress*

pelaksanaan projek-projek RKN mengambilkira trend-trend perbelanjaan sebelum ini dan kapasiti setiap kementerian untuk melaksanakan projek yang dimiliki.

Dalam masa yang sama, jika tiada keperluan untuk perbelanjaan tambahan kerana kemudahan yang diperlukan sudah tersedia, maka tiada keperluan untuk meningkatkan perbelanjaan semata-mata. Selain itu, peruntukan RKN tidak mempunyai kaitan dengan perbelanjaan berulang-ulang, kerana kedua-duanya disediakan berdasarkan keperluan masing-masing.

Seterusnya, kaola ingin menyampaikan beberapa ulasan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan peluang-peluang pekerjaan di negara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data daripada Kajian Tenaga Kerja, mengukur trend tenaga kerja berdasarkan definisi *International Labour Organization* ataupun *ILO* iaitu tanpa membezakan antara pekerjaan tetap, sementara dan yang bekerja sendiri. Jumlah pekerja di Brunei meningkat sebanyak 8.1% dari tahun 2017 hingga 2023.

Peningkatan ini turut disertai dengan kenaikan prorata pendapatan bulanan daripada \$1,331 pada tahun 2017 kepada \$1,755 pada tahun 2023.

Walaupun peningkatan pendapatan berlaku, tekanan kos sara hidup tetap menjadi cabaran.

Dan dalam hal ini, pelbagai inisiatif subsidi kerajaan memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban perbelanjaan isi rumah dan membantu menstabilkan perbelanjaan asas dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduk secara keseluruhan.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan mengenai situasi pekerjaan di sektor swasta, setakat 31 Januari 2025, terdapat lebih daripada 4,000 jawatan kosong yang sedang diiklankan melalui portal JobCentre Brunei dalam pelbagai sektor seperti sektor minyak dan gas, sektor pembinaan dan sektor pembuatan.

Selain itu, berdasarkan unjuran keperluan tenaga kerja yang dikumpulkan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, dianggarkan sebanyak 10,500 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan dalam sektor minyak dan gas, pembinaan, pembuatan, pemakanan, pertanian, pelancongan, dan hospitaliti bagi tempoh 2024 hingga 2028.

Unjuran ini diperolehi dari agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat sektor swasta, GLC, FDI, dan PMKS. Bagaimanapun, walaubagaimanapun, dari jumlah berkenaan, hanya segelintir yang memerlukan tahap kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas.

Oleh itu, bagi meningkatkan peluang pekerjaan yang sejajar dengan kelayakan graduan, usaha bersepadu dan komitmen daripada semua pihak adalah penting dalam menarik serta memudah cara pelaburan langsung asing, selain menggalakkan pertumbuhan sektor swasta secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan industri, tetapi juga berdaya keusahawanan, inovatif, dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja.

Dari ciri-ciri berkenaan, mereka bukan sahaja mampu mencipta peluang untuk diri sendiri, tetapi juga menjadi agen perubahan sebagai pencipta pekerjaan masa depan.

Alhamdulillah, Laporan Kajian Tenaga Kerja terkini menunjukkan peningkatan dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan dan peralihan ekonomi ke arah ekonomi *gig*. Ini menggambarkan minat dan daya kemampuan anak tempatan dalam meneroka peluang pekerjaan yang lebih fleksibel dan dinamik yang mana setentunya akan mendorong pertumbuhan ekonomi.

Manakala mengenai strategi *localisation*, Pusat Pekerjaan Brunei bersama Jabatan Buruh melaksanakan penilaian permohonan *Clearance Letter*.

Ini bertujuan untuk mengutamakan pengambilan anak tempatan bagi peluang-peluang pekerjaan yang dinilai boleh diisi oleh anak tempatan sebelum mengambil pekerja asing dalam beberapa tahun yang akan datang.

Di samping itu, beberapa usaha jua telah diungkayahkan di bawah *Manpower Industry Steering Committee* yang telah mengenal pasti 60 jenis *critical occupations* yang diperlukan yang dapat diisi oleh anak tempatan. Daripada penganalisaan terhadap *critical occupation* berkenaan, ianya akan dapat membuka sebanyak lebih 5,000 peluang pekerjaan di sektor tenaga, ICT, hospitaliti dan pelancongan, pengangkutan dan logistik, dan pembinaan dengan mengambil kira kadar penggantian 50% pekerja asing.

Sesungguhnya pun kita berhasrat untuk memaksimumkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak tempatan, namun secara realistik tenaga kerja warga asing masih diperlukan. Mereka boleh dianggap memberi *value add* memandangkan kemahiran dan kepakaran mereka saling melengkapi atau *complementary* dengan kemahiran dan kepakaran anak tempatan kitani.

Menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai Program Bakat Pulang untuk menukar *brain drain* menjadi *brain gain* serta cadangan *competent workforce* di tahap eksekutif, pihak kerajaan mengambil baik cadangan-cadangan ini. Namun

demikian para graduan-graduan adalah dialu-alukan untuk menimba pengalaman kerja di luar negeri, jika ada.

Dengan kesempatan ini, graduan akan dapat memperoleh pengalaman dan pengetahuan kerja, termasuk pendedahan kepada teknologi terkini, amalan kerja terbaik, serta jaringan profesional antarabangsa yang akan meningkatkan keupayaan dan kepakaran mereka untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Seterusnya, mengenai hala tuju peserta Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, SkiPPA, Program Perantisan i-Ready, izinkan kaola mengongsikan objektif utama program-program perantisan berkenaan yang bertujuan untuk memberikan peluang menimba pengalaman kerja, membina kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai bidang di sektor awam mahu pun swasta bagi para perantis meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengambilan perantis SkiPPA dalam kerajaan adalah tertakluk kepada prestasi para perantis dalam tempoh 12 bulan. Para perantis juga boleh diambil kerja dalam tempoh perantisan kurang dari 12 bulan jika mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang secara konsisten dan pada masa yang sama terdapat keperluan khusus di suatu agensi kerajaan khususnya fungsi-fungsi baru dan tertakluk kepada peruntukan

jawatan kosong atau melalui pengwujudan jawatan baharu.

Maka proses pengambilan ke jawatan tetap boleh dilaksanakan oleh kementerian atau jabatan yang memerlukannya dengan menggunakan Garis Panduan Pengambilan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Pada masa yang sama, ia membolehkan mereka menilai sama ada pekerjaan tersebut sesuai dengan mereka. Setelah tamat SkiPPA, kementerian dapat menilai prestasi peserta sebelum membuat keputusan sama ada untuk menawarkan pekerjaan atau tidak. Pencari kerja juga mempunyai pilihan sama ada menerima tawaran tersebut atau mencari peluang pekerjaan lain berdasarkan pengalaman yang telah diperolehi.

Dalam masa yang sama, pihak kerajaan akan melaksanakan satu projek yang melibatkan audit tenaga kerja ataupun *manpower audit* bagi semua kementerian bagi menyelaraskan keperluan sumber manusia dengan fungsi utama kementerian masing-masing.

Manakala bagi program i-Ready di sektor swasta, sukacita mengongsikan bahawa sebanyak 71% perantis i-Ready yang telah menamatkan perantisan mereka telah mendapat pekerjaan, 23% bekerja di sektor awam manakala 77% bekerja di sektor swasta.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk memastikan kebajikan tenaga kerja tidaklah sepatutnya ditumpukan sepenuhnya kerajaan semata-mata. Majikan dan pengusaha di sektor swasta juga mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu kerajaan mencapai objektif berkenaan. Misalnya dengan menawarkan pakej gaji yang lebih menarik, memperbaiki persekitaran kerja yang kondusif, menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan sebagainya.

Seterusnya, kaola ingin menyampaikan ulasan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan Projek Bursa Saham. Projek ini berjalan dengan baik dan jika dilaksanakan dengan teratur akan dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan baharu yang berkualiti seperti *primary dealers*, *secondary dealers*, *research analyst*, penganalisa pelaburan dan lain-lain.

Pada masa yang sama, Pertubuhan Bursa Saham menawarkan peluang kepada pelabur untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi serta menggalakkan budaya menyimpan dan melabur. Selain itu, bursa saham yang dikawal selia dengan teratur akan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pasaran yang mana dapat meningkatkan lagi daya tarikan untuk pelabur domestik dan antarabangsa serta memupuk ekonomi yang lebih berdaya tahan dan berbagai.

Kejayaan pelaksanaan projek ini memerlukan kesediaan pasaran yang komprehensif. Ini merangkumi pembangunan peraturan-peraturan dan infrastruktur bursa saham dan juga melibatkan pembangunan ekosistem sokongan termasuk penyediaan perkhidmatan tambahan seperti perkhidmatan depositori, perkhidmatan *custodian*, penasihat kewangan korporat, penaja jamin, juruaudit dan firma guaman yang berkebolehan. Dalam hal ini, pihak Projek Bursa Saham telah menjalankan usaha untuk menangani cabaran-cabaran dan peluang kejayaan Projek Bursa Saham. Salah satu cabaran adalah implementasi model perniagaan secara langsung, iaitu tanpa melibatkan broker dan penyelesaian secara *real time* atau *real time settlement*.

Selain itu, pihak Projek Bursa Saham juga menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan alhamdulillah, kajian ini bagi *the establishment of securities exchange, clearing house and central securities depository* sudah selesai dilaksanakan dan fasa pelaksanaan akan dimulakan insya Allah pada bulan ini. Kajian-kajian yang dibuat termasuk:

Pertama, pembangunan strategi yang mengandungi pelan hala tuju strategik bagi membina ekosistem pasaran model, pembaharuan kawal selia yang juga mengandungi inisiatif tadbir urus syariah, pembangunan industri, peningkatan infrastruktur pasaran, program pembinaan kapasiti, bursa saham analisa, *cost-benefit* dan unjuran hasil;

Kedua, jangkauan pasaran, *market outreach* sebagai pelan yang dirancang secara strategik untuk mendapatkan penglibatan pihak yang berkepentingan seperti pengawal selia, peserta pasaran, syarikat-syarikat sebagai *issuers* yang berpotensi, dan pelabur; dan

Ketiga, persediaan untuk melaksanakan pelan tindakan fasa pelaksanaan seperti struktur organisasi yang lebih sesuai bagi bursa saham, tadbir urus syariah dan penyenaraian sukur.

Keperluan teknologi bagi *platform* ketiga-tiga entiti bursa saham iaitu *security exchange*, *clearing house* dan *central security depository*, tatacara *procedure* atau proses permohonan lesen untuk beroperasi dalam bursa saham.

Dari segi penyediaan undang-undang dan peraturan pula, pihak *Brunei Darussalam Central Bank, BDCB* dengan kerjasama pihak Pejabat Peguam Negara telah menyediakan pindaan terhadap perundangan *Securities Market Orders 2013*. Ini termasuk bagi mengadakan dan memudahkan pertubuhan sebuah pihak berkuasa penyenaraian atau pun *listing authority* dan mengadakan penubuhan *official listing* serta menyediakan peraturan untuk syarikat penaja atau pun *sponsor companies* yang diperlukan apabila syarikat-syarikat ingin disenaraikan ke dalam bursa saham.

Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan pasaran,

melindungi integriti pasaran dan memastikan perlindungan pelabur.

Selain daripada itu, pihak BDCB bertanggungjawab dalam merangka *listing rules*. Perkara tersebut telah melalui beberapa perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk memastikan kebolegunaan dan kesesuaian praktikalnya dalam konteks tempatan dan peringkat pembangunan pasaran di negara ini. Setakat ini, kerja-kerja pindaan terhadap perundangan dan peraturan *listing* adalah pada fasa terakhir.

Insya Allah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus berusaha sedaya upaya dalam melaksanakan bursa saham, projek bursa saham ini dan memohon kerja sama pihak yang berkepentingan yang lain untuk sama-sama mempercepatkan penyiapan projek ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berkaitan dengan sasaran Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai dengan cadangan untuk mewujudkan Rangka Kerja dan Strategi Nasional bagi *Food Security* yang lebih komprehensif termasuk membuat penelitian ke tanah yang berpotensi, meningkatkan sistem pengairan, meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta dan *research institute* bagi meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian dan pemprosesan makanan bagi meningkatkan daya saing pengeluaran tempatan dan

mengurangkan kos perbelanjaan dalam jangka, dalam masa jangka panjang. Kaola mengambil baik cadangan-cadangan ini, dan merancang untuk meneliti kebolehlaksanaannya. Pihak kerajaan juga akan meneroka perkara ini dengan pihak sektor swasta di bawah pendekatan *Public-Private Partnership*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk membantu PMKS dan *startups* mengembangkan pasaran mereka di rantau ini, pihak kerajaan melalui BEDB telah menyediakan *Business Development Fund* seperti *Co-Matching Scheme* untuk menyokong PMKS tempatan. Setakat bulan Januari 2025, sebanyak 91 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan keseluruhan kira-kira BND\$1.4 juta bagi pelbagai projek dan bidang perniagaan termasuk dalam sektor pertanian, perikanan dan teknologi.

Memudahkan akses kepada Pelaburan *Angel* dan setakat ini telah berjaya menarik pelaburan melebihi BND\$4.4 juta bagi mendukung perkembangan perniagaan tempatan dan menggalakkan penyertaan golongan yang kurang berkemampuan melalui *Program Micro Bootcamp*. Pihak BEDB jua bekerja sama dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menyediakan latihan keusahawanan melalui program tersebut.

Manakala mengenai penglibatan belia untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi secara berterusan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta agensi-agensi yang berkenaan melalui Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia untuk menggalak lebih banyak penglibatan belia dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai program latihan dan pembangunan keusahawanan yang dikendalikan oleh pelbagai agensi yang bergabung di bawah *Youth Entrepreneurship Ecosystem*. Pada akhirnya, secara keseluruhannya Insya Allah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan agensi-agensi kerajaan yang lain secara *whole-of-government approach* serta kerja sama pihak sektor swasta melalui kaedah *whole-of-nation approach* akan terus meningkatkan lagi usaha-usahanya ke arah mencapai matlamat Wawasan 2035.

Sekian untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohamad Jaafar...eh..Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Doa dibaca)*.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini di Musim Permesyuaratan Kedua Puluh Satu Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2025 Masihi bersamaan 1446 Hijrah. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Rasa bersyukur juga kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat kepimpinan, kebijaksanaan, kewibawaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam berada dalam keadaan aman, damai dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang 2025 Perbekalan 2025/2026 beberapa hari lalu, telah

mengingatkan kita bahawa tahun 2035 di mana Wawasan Negara perlu dicapai hanya tinggal sepuluh tahun sahaja lagi.

Meskipun petunjuk-petunjuk pencapaian sememangnya memberangsangkan setakat ini, Negara tidak harus merasa *complacent* atau leka. Kerana kita tidak akan terlepas daripada cabaran-cabaran mendatang selari dengan peredaran zaman yang setentunya akan menduga kemampuan negara dalam persaingan global mahu pun di dalam negeri ini. Allahu Akbar, Allah Maha Besar. KepadaNya kita berserah dan memohon bimbingan dan pertolongan semoga apa yang kita rancang dan laksanakan diberikan petunjuk dan hala tuju.

Semoga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keseluruhan rakyat bersatu padu dengan pendekatan *whole-of-nation* untuk mencapai hasrat negara sebagai negara maju dalam semua aspek yang kekal sebagai negara berprinsip Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengulas kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhubung dengan pencapaian negara dalam Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi, yang mana pencapaian-pencapaian Yang Berhormat nyatakan benar-benar menggambarkan bahawa rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam

mempunyai cara hidup yang sangat baik yang perlu kita syukuri.

Rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati pendidikan yang percuma, perkhidmatan penjagaan kesihatan yang percuma, lebuhraya yang kita lalui juga percuma, pusat-pusat riadah percuma dan lain-lain perkhidmatan asasi serta *tertiary* juga diberikan percuma. Malahan rawatan perubatan yang negara ini belum ada kepakaran juga diberikan percuma kepada rakyat dan penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kerakyatan atau pun *stateless*, dengan dihantar ke luar negara untuk menjalani rawatan. Misalnya sahaja *procedure bone marrow transplantation* serta rawatan bagi pesakit berkenaan.

Kerajaan berbelanja berjuta ringgit bagi setiap pesakit kerana setiap nyawa itu bernilai dan pentingnya bagi Kerajaan untuk menyelamatkan nyawa.

Setentunya usaha-usaha yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam memandu ekonomi negara perlulah kita sama-sama sokong dengan pendekatan *whole-of-government* dan sebagai usaha sama Kerajaan dan sektor swasta dalam pendekatan *whole-of-nation*. Bak kata pepatah, "ringan sama dijinjing, berat sama dipikul".

Sinergi kerajaan dan sektor swasta dalam memacu kemajuan negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 perlu sama-sama dibina. Kerajaan

akan sentiasa dinamik dalam perkembangan sektor swasta.

Bahkan, di Kementerian Kesihatan, Alhamdulillah, kerjasama pihak Kerajaan dan pembekal serta penyedia perkhidmatan klinikal dan kesihatan adalah sentiasa aktif.

Dialog di antara kedua pihak secara berterusan dilaksanakan bagi mengongsikan aspirasi kerajaan, disamping mendapatkan maklumbalas dari industri tentang hala tuju perkembangan sektor kesihatan.

Perkhidmatan yang dapat dikendalikan dengan lebih efisien oleh sektor swasta akan dinilai dan ditawarkan pada syarikat yang berkecualan melalui proses penyumberan luar secara tawaran terbuka. Inilah seharusnya dilaksanakan oleh Kerajaan sepertimana yang pernah dititahkan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-9 Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2013 Masihi, yang mengingatkan kita di dewan yang mulia ini untuk lebih fokus kepada isu-isu strategik tanpa kepentingan peribadi atau isu-isu remeh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan sentiasa menekankan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mudah diakses. Disamping memastikan pengurusan sumber dengan cekap untuk menjamin kemampanan jangka masa panjang sistem kesihatan negara.

Langkah ini seiring dengan aspirasi negara untuk mengekalkan sistem kesihatan yang inklusif, mampan, *sustainable* dan berdaya tahan. Khususnya dalam menghadapi cabaran dalam penjagaan kesihatan di masa hadapan seperti peningkatan kos kesihatan, penuaan populasi *or aging population*, perubahan iklim, keperluan kesihatan awam yang dinamik dan bersedia bagi menghadapi krisis kesihatan global.

Dalam memastikan hasrat ini tercapai, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memberikan keutamaan kepada perkara-perkara berikut;

Pertama, mempertingkatkan kualiti penjagaan dan perkhidmatan kesihatan asasi adalah aspek penting dalam memastikan kesihatan awam yang berkesan dan mampan. Penjagaan kesihatan asasi atau *primary healthcare* merupakan *gatekeeper* dalam sistem Kesihatan di mana orang ramai diberikan perkhidmatan kesihatan asasi yang komprehensif di peringkat awal, sama ada melalui klinik-klinik kerajaan ataupun swasta. Manakala rawatan di peringkat *tertiary* atau hospital memerlukan rawatan pakar.

Peningkatan akses kepada perkhidmatan Kesihatan yang berkualiti adalah amat dititikberatkan di Kementerian ini dengan beberapa inisiatif yang berterusan dan bepanjangan seperti berikut;

Memperbaiki dan menaiktaraf infrastruktur serta aset kesihatan secara

berterusan termasuk di kesemua hospital, pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik, ambulans, kelengkapan-kelengkapan klinikal, makmal dan teknologi maklumat.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga mempertingkatkan latihan dan pembangunan kapasiti profesional kesihatan dengan kemahiran yang terkini, termasuk pengetahuan tentang teknologi terkini yang canggih dalam perubatan menggunakan *Artificial Intelligence*. Penyediaan latihan khusus di dalam dan luar negara bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan setentunya menjadi salah satu keutamaan Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan diperuntukkan melebihi \$1 juta ringgit Brunei bagi membiayai perbelanjaan latihan dalam dan luar negara, bagi para doktor, jururawat, profesional kesihatan bersekutu *or Allied Health Professional*, saintis dan beberapa bidang lain termasuklah kewangan, audit dalaman dan pengurusan hospital.

Perancangan latihan dibuat secara terperinci mengambilkira mekanisme yang tersedia seperti latihan dalam perkhidmatan, bengkel dan seminar dalam dan luar negara serta latihan secara *online*. Kementerian ini juga dapat mengendalikan *Executive Development Programme* bersama *Singapore Health or SingHealth* bagi memacu perkhidmatan hospital dengan mengambil kira perkembangan terkini

dan *practice* terbaik untuk melatih pelapis-pelapis, pemimpin yang baharu.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga menambah jumlah tenaga kerja bagi memastikan nisbah yang seimbang demi keselamatan pesakit di samping mengurangkan beban kerja yang tinggi, sekaligus mengelakkan keletihan berlebihan ataupun *burnout* yang boleh membawa kepada kesilapan dalam memberikan rawatan yang boleh mengancam nyawa.

Seterusnya, menyediakan perbekalan ubat-ubatan yang mencukupi, selamat dan berkesan adalah juga diberikan keutamaan dan memanfaatkan teknologi digital yang inovatif, serta mengembangluaskan penggunaannya untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan dengan lebih mudah dan pantas.

Keutamaan kedua ialah memastikan perbelanjaan berhemah dan kos efektif bagi mewujudkan sistem kesihatan masa depan yang berdaya tahan. Walau bagaimanapun, peningkatan kos masih belum dapat dielakkan, mengambilkira kenaikan kos ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang semakin canggih, serta peningkatan bilangan pesakit menghidap penyakit-penyakit kronik.

Dalam menangani dan memastikan peningkatan kos jangka masa panjang dapat dikawal, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan lagi usaha dengan mengadakan kempen

pencegahan serta kesedaran kesihatan kepada orang awam.

Melalui program-program promosi kesihatan, program vaksinasi dan meningkatkan program saringan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kardiovaskular, diabetes dan kanser. Peningkatan penyakit-penyakit ini banyak dikaitkan dengan perubahan gaya hidup masyarakat, terutama sekali dalam pengambilan makanan yang tidak seimbang dan berlebihan, merokok dan vaping, kurangnya membuat aktiviti luar dan peningkatan masalah kesihatan mental.

Pelaksanaan Program Saringan Kesihatan Kebangsaan terus mencatat kemajuan. Dalam usaha mengesan awal kanser serviks, ujian HPV *self-sampling* telah diperkenalkan di negara ini dan diterima baik oleh wanita, berbanding dengan pemeriksaan menggunakan *PAP smear*.

Alhamdulillah program *self-sampling* yang dikendalikan di peringkat kebangsaan adalah antara negara yang terawal mengendalikannya di skala besar. Sejak 2023, hampir 5,000 wanita telah menjalani saringan kanser serviks. Dengan kadar 0.5 peratus, kes *abnormal* dikesan untuk pemeriksaan lanjut dan terperinci. Dapatan di peringkat awal Insya Allah membolehkan rawatan pencegahan dapat dibuat.

Dalam tempoh 4 tahun sehingga 2024, Kementerian Kesihatan telah membuat saringan kanser payudara. Melebihi

10,000 wanita menjalani saringan dan mendapati 1% daripadanya terdapat keputusan yang tidak normal. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Pusat Pengimejan Payudara *or Breast Imaging Centre* bagi mengendalikan saringan kanser payudara dan meningkatkan jumlah saringan yang dapat dibuat. Pengesanan awal ini telah membolehkan rawatan segera dilaksanakan sekaligus meningkatkan peluang pemulihan pesakit. Ini setentunya akan mengurangkan impak perbelanjaan perubatan yang tinggi di masa akan datang juga.

Saringan bagi penyakit-penyakit kronik lain juga ditingkatkan disamping mengendalikan pemeriksaan berkala ke kementerian-kementerian melalui WAH Program iaitu *Workplace and Health* bagi serangan penyakit jantung atau kardiovaskular dan diabetes.

Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan BruHealth 5.0, yang mana membantu individu memantau risiko kesihatan masing-masing, misalnya pemantauan tekanan darah, berat badan, kadar tidur, kesihatan mental, pemakanan dan aktiviti fizikal.

Dengan menggunakan *Artificial Intelligence* dan *deep learning* aplikasi berkenaan akan mampu memaklumkan individu akan risiko kesihatan yang akan dialami dan seterusnya menasihatkan serta membuat tempahan saringan kesihatan jika diperlukan.

Dalam masa terdekat, BruHealth juga dapat membuat *exercise prescription* kepada peserta selaras dengan kemampuan individu yang dikaitkan dengan umur, berat badan dan penyakit yang dihadapi peserta.

Kementerian juga terus mempelopori penggunaan teknologi dan *Artificial Intelligence*, dengan pengesanan penyakit mata disebabkan oleh diabetes. Program SELENA+ mula dilancarkan pada tahun lepas, bagi saringan dan pengesanan *diabetic retinopathy*. Dalam masa terdekat sistem SELENA+ bukan sahaja digunakan untuk mengesan risiko hilang penglihatan, malahan pada masa akan datang boleh mengesan masalah-masalah kesihatan lain termasuk kardiovaskular dan demensia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, pada Tahun Kewangan 2025/2026 Kementerian Kesihatan telah memilih Tema Sistem Pencegahan Kesihatan Yang Mampan ataupun *Sustainable Healthcare System*.

Meskipun menunjukkan peningkatan sebanyak 13.87% daripada jumlah Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, ianya adalah perbelanjaan sebenar Kementerian Kesihatan dengan mengambil kira peruntukan tambahan yang telah diluluskan bagi menampung perbelanjaan sebenar terutama sekali disebabkan kenaikan kos pemeliharaan bangunan, ubat-ubatan dan peningkatan pembelian dan pajakan atau *leasing*

*asset* perubatan yang telah mencapai usia ataupun *obsolete*.

Sepertimana yang kaola jelaskan, penumpuan adalah bagi pencegahan dan pengesanan awal melalui pendidikan dan pemeriksaan kesihatan. Dalam jangka panjang pendidikan kesihatan yang berterusan disemua peringkat adalah sangat penting bagi kita sama-sama memilih gaya hidup yang sihat. Antara inisiatif yang aktif dijalankan termasuklah iklan-iklan tv dan radio, pawagam, *billboard* dan media sosial.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah mengeluarkan Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah kepada Kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam, 2021 yang menghadkan pengeluaran gambar makanan dan gambar kanak-kanak di iklan-iklan makanan segera. Ianya sejajar dengan saranan WHO dalam membendung obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam membangun sistem kesihatan yang mampan, perkembangan perkhidmatan perubatan swasta juga perlu dikembangkan bagi membolehkan pesakit mempunyai pilihan di samping menggalakkan persaingan sihat di antara pembekal perkhidmatan untuk memberikan yang terbaik selaras dengan sasaran pasaran masing-masing.

Namun yang demikian, ini tidak bermakna Kementerian Kesihatan tidak akan melabur dalam peningkatan perkhidmatan, malahan ini akan dapat meningkatkan gabungan kerjasama

dengan sektor swasta. Ini setentunya akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi anak tempatan di sektor swasta dan mengembangkan ekonomi negara khususnya di sektor kesihatan.

Antara usaha yang tidak lama lagi dilancarkan termasuklah pemeriksaan pekerja asing yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh klinik swasta. Ini dijangkakan akan memberikan perkhidmatan yang cekap dan cepat dengan kadar harga yang kompetitif berbanding pengendalian kerajaan. Dalam masa yang sama portal yang akan disediakan akan terus digabungkan dengan klinik-klinik di negara asal yang dilantik bagi memastikan keputusan pemeriksaan di negara asal adalah asli.

Tawaran telah dibukakan juga untuk pengendalian...

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat. Saya minta maaf. Oleh sebab keadaan, maka saya meminta supaya kita *recess* ataupun kita berehat selama 10 minit dan kita akan menyambung semula ulasan yang telah dimulakan oleh Yang Berhormat itu.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat.

**(Majlis Mesyuarat berehat)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Mesyuarat kita sambung semula.

Kita tadi telah mendengar ulasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya meminta maaf kepada Menteri Kesihatan kerana, apa namanya ni, mengganggu ucapan atau ulasan yang dibuatnya dalam pertengahan membuat kenyataan sedemikian. Tapi walau macamapun, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk meneruskan membuat ulasannya. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Seterusnya, Kementerian Kesihatan telah membuat tawaran yang mana membukakan untuk pengendalian Pusat Dialisis Swasta bagi kawasan Sungai Liang dan Mukim Berakas 'B'. Pengendalian secara penyumberan luar ini setentunya akan memberikan saingan untuk perkhidmatan terbaik kepada pesakit.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga memperkenalkan perlindungan pekerja asing dengan meningkatkan *medical coverage* kepada \$100,000. Ini setentunya akan bermanfaat kepada pekerja-pekerja asing untuk mudah mendapatkan akses kepada rawatan perubatan di hospital kerajaan

ataupun swasta. Malahan, menyelamatkan majikan dari beban tuntutan perubatan pekerjaanya.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga menyediakan peluang pekerjaan bagi lebih 300 pencari pekerjaan dalam perkhidmatan *Patient Care Assistant* dan *Clinical Care Assistant* di semua hospital dan klinik perubatan termasuk Pusat Dialisis Negara. Dalam masa yang sama Kementerian Kesihatan dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei, IBTE akan mengendalikan Program *Caregiver* yang diselaraskan dengan keperluan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyediakan peluang pekerjaan bagi yang berminat dalam penjagaan pesakit.

Kementerian Kesihatan juga menggalakkan perkembangan lebih banyak klinik swasta, makmal swasta, perkhidmatan-pekhidmatan profesional kesihatan bersekutu swasta terutama sekali dalam bidang-bidang seperti fisioterapi, *speech therapy*, makmal dan sebagainya. Dalam 12 bulan kebelakangan sehingga Februari 2025, 8 buah klinik swasta baru telah dibuka, menjadikan 55 buah klinik swasta sedang beroperasi di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Ini sahaja yang kaola dapat sampaikan dan kaola akhiri dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 172, mafhumnya: "...Wahai orang-orang yang beriman, makanlah makanan yang baik-baik yang kami telah kurniakan kepada kamu dan

bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadah kepada-Nya..." maha benar kata-kata.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Alhamdulillah, kita telah pun selesai mendengar Perbahasan Peringkat Dasar. Seterusnya, Rang Undang-Undang ini dan Usul ini akan kemukakan di Peringkat Jawatankuasa untuk kita bincangkan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, saya kira adalah berpatutan sebelum itu bagi kita, bagi kita memberikan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebagai pembawa Usul Rang Undang-Undang yang berkenaan untuk membuat ulasan terakhirnya. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*). Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan ke atas ahli-ahli keluarga Baginda serta pengikut-pengikutnya yang setia ke akhir zaman. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita

dapat berkumpul untuk sesi Penggulangan Peringkat Dasar Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan bagi Tahun 2025/2026.

Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas perbahasan yang konstruktif, cadangan bernas serta sokongan padu yang telah diberikan terhadap Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan Bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang mana telah kaola bentangkan pada hari Sabtu, 1 haribulan Mac 2025 lalu. Ahli-Ahli Yang Berhormat menimbulkan beberapa soalan dalam pada masa yang sama telah memberikan saranan atau pandangan ke atas dasar Belanjawan Negara.

Ini mencerminkan komitmen dan hasrat bersama kita untuk memperkukuh penstabilan fiskal, memajukan ekonomi negara, meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat serta menjamin kesejahteraan hidup semua lapisan masyarakat. Kaola percaya pihak kerajaan akan mengambil setiap saranan atau pandangan yang baik tersebut dan akan mengajinya dengan lebih teliti lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyetuh mengenai pelbagai cara yang mana sebahagian besarnya telah pun diberikan penjelasan secara perinci oleh rakan-rakan sejawat kaola sebelumnya.

Walau bagaimanapun terdapat 3 perkara penting yang telah banyak ataupun sering dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana kaola ingin rumuskan, iaitu:

Pertama: Mengenai usaha untuk menangani defisit fiskal kerajaan yang perlu diberi perhatian dan usul... usaha untuk mengimbangi defisit tersebut. Ini termasuklah mengenai penyediaan dan penggunaan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Kedua, mengenai dengan usaha kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memantapkan lagi plan strategi yang digariskan di dalam Brunei Darussalam *Economic Blueprint*.

Ketiga, mengenai dengan usaha bagi mempertingkatkan ekosistem perniagaan harganya lebih kondusif dan mesra pelanggan ataupun *business-friendly*. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Izinkan kaola menghuraikan dengan menjelaskan ketiga-tiga perkara tersebut satu persatu.

Pertama, kerajaan amat mengambil berat terhadap defisit fiskal yang telah dialami sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam hal ini, usaha-usaha dalam mengurangkan defisit fiskal adalah seperti berikut. Salah satu inisiatif kerajaan dalam menangani defisit fiskal secara mampan adalah melalui *fiscal consolidation programme*. Program ini bukan melibatkan pengurangan perbelanjaan tetapi lebih kepada penyediaan peruntukan secara optimal, agar menghasilkan produktiviti dan

impak yang lebih signifikan kepada kedudukan fiskal kerajaan.

*Fiscal Consolidation Programme* melibatkan penilitian semula perbelanjaan kementerian dan jabatan masing-masing. Dengan hasrat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak produktif. Melalui program ini, jabatan dan kementerian adalah digalakkan untuk menerokai proses dan prosedur baharu yang moden dan inovatif dalam penyampaian Perkhidmatan Awam yang lebih efisien dan cekap. Impak perubahan ini akan menyumbang kepada penyediaan belanjawan yang lebih optimal. Di samping itu, kementerian dan jabatan juga sedang meneliti semula potensi sumber hasil pendapatan baharu dengan tujuan memperluaskan asas hasil negara dan meneliti kadar caj, yuran dan sewa yang dibenarkan pada masa ini agar ianya besesuaian dan berpatutan dengan tahap perkhidmatan yang diberikan. Dengan inisiatif ini, akan meluaskan lagi sumber pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus mendokong usaha-usaha kementerian dan jabatan dalam meningkatkan hasil kerajaan dari sumber-sumber lain. Dalam hal ini, apa saja skim baharu yang akan diperkenalkan hendaklah mempunyai dasar dan pentadbiran yang adil dan saksama tanpa membebankan golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Pengenalan skim-skim baharu juga perlu meneliti situasi pengekonoman semasa.

Dalam pada itu, setiap kementerian juga perlu meneliti prosedur pengutipan hasil yang lebih efisien sama ada melalui perubahan dasar atau proses termasuk meningkatkan usaha dalam mengutip semula dalam hasil-hasil yang tertunggak. *Fiscal Consolidation Programme* juga termasuk mengenal pasti perkhidmatan atau fasiliti-fasiliti atau projek-projek yang dapat dilaksanakan melalui kaedah kerjasama awam swasta ataupun *Public-Private Partnership* atau PPP serta penswastan dan pengkopratan beberapa agensi-agensi kerajaan bagi meningkatkan *efficiency* dalam pemberian perkhidmatan di samping menjana *economic spin-off* melalui mewujudkan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Perkongsian dan pemberigaaan semula mengenai *Fiscal Consolidation Programme* telah diungkayahkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada sesi Forum Setiausaha-Setiausaha Tetap pada 10 haribulan Oktober 2024 yang lalu.

Pada masa ini, Bahagian Belanjawan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang melaksanakan proses penilaian ke atas keberkesanan inisiatif dan reformasi yang telah selesai dilaksanakan di bawah program *Fiscal Consolidation Programme* mulai Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga Tahun Kewangan 2024/2025 dan impaknya terhadap fiskal kerajaan secara menyeluruh. Pemberigaaan ini akan diteruskan lagi ke kementerian dan jabatan pada suku pertama Tahun Kewangan 2025 / 2026.

Dalam memastikan belanjawan diperuntukan secara efisien kerajaan menggunakan keadah belanjawan *programme and performance budgeting* di mana peruntukan disediakan berasaskan program yang menjurus kepada *core business* setiap kementerian dan jabatan masing-masing. Dalam hal ini, setiap pegawai pengawal perlu mengamalkan disiplin dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan, di mana setiap peruntukan dibelanjakan menurut keperluan yang sebenar dan secara berhemah. Namun demikian, kejayaan *Fiscal Consolidation Programme* memerlukan kerjasama semua pihak khususnya kementerian dan jabatan yang perlu mengambil langkah-langkah lebih proaktif dalam menilai proses-proses kerja yang boleh diperbaharui atau dikemaskinikan untuk memastikan pembelanjaan yang optimal dan perkhidmatan yang lebih efisien dan cekap termasuk benar-benar memanfaatkan ICT.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seterusnya dalam menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam mengenai kumpulan *marginalised* seperti Orang Kelainan Upaya atau OKU serta status tahap kemiskinan di negara ini. Bagi menjawabnya, peruntukan bagi golongan OKU memang tidak diabaikan di dalam belanjawan negara dan telah dihulurkan sejak era Pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pada tahun 2021, senarai penerima bantuan diperluaskan dengan tambahan

mereka yang layak menerima elaun bagi orang buta, elaun bagi kecelaruan mental, elaun pemulihan bagi orang-orang menghidap penyakit kusta dan elaun kurang upaya seiring dengan pengumuman pindaan Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya serta peraturan-peraturan yang berkaitan.

Antara perubahan penting yang dilaksanakan adalah pengemaskinian syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan elaun-elaun ini yang kini lebih terbuka dan inklusif. Ini memberi lebih ruang kepada individu-individu yang berkurangan upaya untuk terus mendapat bantuan tanpa sekatan terhadap kemampuan mereka untuk bekerja. Selain itu, elaun tambahan sebanyak \$250.00 sebulan seperti elaun penyedia penjagaan, *care provider allowance* yang diperkenalkan pada 2021 memberikan sokongan kewangan kepada mereka yang menjadi penjaga kepada penerima elaun buta, kecelaruan mental, penyakit kusta dan kurang upaya bagi meringankan beban mereka.

Oleh itu, kerajaan terus komited untuk memastikan bahawa Belanjawan Negara adalah inklusif. Di mana setiap lapisan masyarakat termasuk golongan OKU mendapat perhatian sewajarnya. Dengan langkah-langkah yang lebih inklusif ini, kerajaan bukan sahaja memastikan golongan OKU mendapat manfaat dari segi elaun tetapi jua memberi sokongan kepada penyedia penjagaan mereka yang merupakan elemen penting dalam memastikan kesejahteraan golongan kurang upaya. Dengan perubahan-perubahan ini, kita harap dapat terus

memperbaiki taraf hidup golongan OKU dan memastikan mereka mendapat hak yang sepatutnya serta dilindungi di bawah dasar negara yang berlandaskan keadilan sosial.

Mengenai status terhadap kemiskinan di negara ini, bagi mengukur tahap kemiskinan di Negara Brunei Darussalam, kaedah Kos Minimal Keperluan Asas, KMKA adalah digunakan. Pengiraan KMKA ini meliputi kos minimal bagi menyara keperluan asas harian termasuk makanan, pengangkutan, perumahan dan keperluan asasi yang lain. Berdasarkan hasil daripada Kajian Perbelanjaan Keluarga, KPK 2015, KMKA adalah sebanyak \$283.00 seorang sebulan dan sebanyak 3.2% daripada jumlah penduduk negara adalah tergolong di bawah garis KMKA. Laporan KMKA akan dikemaskinikan berdasarkan daripada Kajian Perbelanjaan Keluarga 2024 yang mana baru siap dijalankan.

Dari aspek proses perolehan kerajaan, penekanan diberikan kepada tawaran yang menawarkan nilai tambah kepada kerajaan. Penggunaan fasiliti secara guna sama dan memenuhi *functionality* dan spesifikasi keperluan sebenar dan bukan semata-mata berasaskan tawaran yang terendah. Insya Allah, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga akan melaksanakan penelitian semula secara komprehensif ke atas jumlah perbelanjaan tahunan yang dibuat oleh kementerian dan jabatan khususnya perbelanjaan *baseline* bagi memastikan penyediaan peruntukan yang lebih *credible* dan tepat untuk membiayai sektor-sektor yang

berkeutamaan tinggi demi mencapai impak yang besar dan memberikan pulangan yang positif bagi jangka masa panjang.

Walaupun kerajaan pada masa ini mengalami defisit fiskal, kaola ingin mengulang lagi bahawa kerajaan terus menjaga kesejahteraan rakyat dengan terus memberikan kemudahan seperti kesihatan, pendidikan, bantuan-bantuan kebajikan dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam tempoh 5 tahun yang kebelakangan, secara pro-rata kerajaan telah menanggung kos subsidi melebihi \$500 juta setahun bagi subsidi bekalan tenaga elektrik, subsidi bahan minyak dan subsidi pembekalan beras.

Sepanjang 5 tahun yang kebelakangan jua, kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$70 juta untuk infrastruktur air dan kos penyelenggaraan dan operasi seperti bekalan bahan kimia dan gaji kakitangan.

Walau bagaimanapun, dari segi hasil pendapatan dari pembekalan air ke rumah kediaman, bangunan komersial dan kerajaan, Jabatan Kerja Raya melalui Jabatan Perkhidmatan Air dalam masa 5 tahun kebelakangan hanya dapat mengutip \$20 juta setahun secara pro-rata.

Dalam hal ini, kerajaan perlu menilai langkah-langkah pemberian subsidi yang berdayatahan dan memastikan manfaat yang diberikan lebih dirasai

oleh golongan yang benar-benar memerlukannya. Pengurangan fiskal defisit ini bukanlah satu beban yang perlu ditanggung oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sahaja tetapi perlu ditangani secara bersepadu oleh setiap warga perkhidmatan awam, kementerian dan jabatan melalui pendekatan *Whole of Government* serta pihak-pihak yang berkepentingan yang lain seperti sektor swasta secara pendekatan *Whole of Nation*.

Kita perlu membuat perubahan atau anjakan yang lebih bermakna dan berimpak tinggi ke atas pelan tindakan strategik kementerian masing-masing bagi mengurangkan defisit fiskal negara. Dengan usaha berterusan dan sokongan semua pihak, insya Allah kita akan dapat mengecapi kedudukan fiskal yang lebih mampan dan kualiti hidup yang tinggi serta kemakmuran negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kedudukan fiskal kerajaan bergantung kepada hasil yang diterima, iaitu termasuk hasil cukai dan caj perkhidmatan serta perbelanjaan yang ditanggung. Jika jumlah hasil diterima melebihi daripada perbelanjaan maka kedudukan fiskal adalah di tahap *surplus* tetapi jika sebaliknya ia akan berada di tahap defisit.

Jika dibandingkan dengan negara-negara lain apabila KDNK mereka meningkat, maka negara juga akan memperoleh hasil yang lebih banyak. Ini adalah disebabkan negara-negara tersebut mempunyai *fiscal tools* yang lebih meluas

yang membolehkan mereka untuk meraih pendapatan melalui pertumbuhan ekonomi tersebut, iaitu seperti mengenakan cukai yang berbagai jenis.

Sementara itu, seperti yang kita maklumi hasil negara hanya bergantung kepada beberapa jenis cukai iaitu termasuk cukai korporat, cukai pelanggan ataupun *withholding tax*, cukai eksais serta yuran caj dan sewa. Oleh itu, walaupun negara mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, hasil negara tidak semestinya meningkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara kedua, adalah berhubung dengan pembangunan ekonomi bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, sukacita kaola kongsiikan sekali lagi bahawa KDNK negara pada tahun 2024 telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.2% tahun ke tahun.

Ini adalah berikutan peningkatan sektor minyak dan gas sebanyak 5.5% yang didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli dan peningkatan sektor bukan minyak dan gas sebanyak 3.1% yang didukung oleh peningkatan sub sektor-sub sektor seperti pembuatan produk petroleum dan kimia sebanyak 12% berhubung dengan sebanyak 6% dan diikuti oleh perdagangan borong dan runcit sebanyak 4.3%.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai

dengan kadar pertumbuhan 2.4% ke 3.4% bagi tahun 2025 adalah dijangka lebih rendah berbanding tahun 2024. Sukacita kaola mengongsiikan bahawa ini adalah mengambil kira pertumbuhan tinggi yang telah kita perolehi pada tahun 2024. Maksudnya unjuran pertumbuhan pada tahun 2025 akan menggunakan KDNK 2024 sebagai asas ataupun *base* yang lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya dalam pengiraan kadar KDNK.

Unjuran ini juga mengambil kira faktor luar kawalan yang berpotensi menjejaskan pengeluaran seperti ketidakpastian dalam permintaan global. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan adalah unjuran awal sahaja yang akan dikemaskinikan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola telah banyak bercakap tentang usaha-usaha Kerajaan dalam menarik lebih banyak FDI ke negara ini semasa Pembentangan Kertas Rang Undang-Undang tempoh hari dan kaola tidak akan mengulanginya lagi di sini.

Namun, mungkin sesuai jua kaola mengongsiikan bahawa seperti yang dapat dilihat di peringkat global pada masa ini, banyak negara kini menumpukan usaha untuk mewujudkan lebih banyak pelaburan masuk ke negara mereka sendiri termasuk negeri-negeri yang maju dan strategi untuk menarik lebih banyak FDI juga semakin intensif. Ini tentunya bermakna usaha kita

untuk menarik FDI ke Negara Brunei Darussalam akan menjadi lebih mencabar.

Oleh itu, tindakan yang cekap adalah diperlukan untuk mengubah cabaran menjadi peluang dengan memperkukuh kerjasama dan penyelarasan dasar. Selain itu, penglibatan dan kerjasama dengan peniaga tempatan serta syarikat berkaitan kerajaan harus dipertingkatkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat pada masanya. Adalah tidak dinafikan, kita perlu terus mengukuhkan usaha termasuk meneroka peluang di pasaran-pasaran baharu di luar negara dengan memanfaatkan perjanjian perdagangan seperti ASEAN FTA, *Regional Comprehensive Economic Partnership* ataupun RCEP dan *Comprehensive and Progressive Trans-Pacific Partnership*, CPTPP secara optimal.

Selain itu, kita juga perlu lebih giat dalam meningkatkan pengeluaran tempatan melalui pembangunan industri dan mendapatkan pembekal alternatif dalam rantaian bekalan. Keutamaan juga diberikan kepada pembangunan ekosistem industri yang kondusif melalui pemudah cara perniagaan, program latihan dan infrastruktur. Langkah-langkah ini, bertujuan memastikan sektor perniagaan tempatan lebih berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh

mengenai dengan pembangunan industri Halal, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah berusaha untuk mendaftarkan tanda pensijilan logo Halal sebagai cap dagangan, *trademark*, diperingkat antarabangsa. Setakat ini, pendaftaran telah berjaya didaftarkan di beberapa negara termasuk di United Kingdom, Jepun dan Filipina.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara ketiga dalam membangunkan ekosistem perniagaan yang kondusif bagi mendukung usaha menarik FDI dan memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, PMKS, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti kenyataan kaola pada pagi ini.

Langkah-langkah tersebut menjurus kepada persekitaran perniagaan yang lebih mesra pelabur dan menyokong pertumbuhan sektor PMKS secara holistik seperti *Business Development Fund* yang dilaksanakan oleh BEDB iaitu *Co-Matching Scheme*, memudahkan akses kepada Pelaburan Angel, Program *Micro Bootcamp* dan beberapa program latihan keusahawanan.

Di sini, kaola ingin mengongsikan satu lagi skim di bawah BEDB iaitu bagi membantu melonjakkan perkembangan perniagaan startups yang berpotensi besar untuk maju ke hadapan dan bersaing di peringkat antarabangsa. Pihak BEDB melalui Darussalam Enterprise telah meneroka potensi untuk menarik firma-firma *venture capital* serantau dan antarabangsa untuk

melabur di negara ini melalui penubuhan dana *Startup Catalyst Fund*. Inisiatif ini bertujuan untuk menangani cabaran dan merapatkan jurang pembiayaan yang dihadapi oleh perniagaan *startup* tempatan yang berada dalam fasa *scaling up*.

Melalui dana tersebut, pihak BEDB berkoperasi dengan firma *Venture Capital* bagi pelaburan bersama, *co-investment* dalam perniagaan *startup* pada kadar 1 kepada 1. Pelaburan ini akan menyokong perkembangan perniagaan *startup* berkenaan untuk memperluas sasaran pasaran mereka ke luar negara. Selain membuat pelaburan, firma *Venture Capital* berkenaan juga akan menyediakan sokongan strategik seperti bimbingan ataupun *mentorship*, akses kepada rangkaian *Venture Capital Global*, memacu inovasi dan *research and development*, mengukuhkan tadbir urus dan pengawasan korporat dan sebagainya.

Dengan penyediaan dana *startup catalyst fund* berkenaan, pihak BEDB sedang dalam proses akhir untuk memuktamadkan penubuhan entiti bagi dana tersebut dan seterusnya menyertai perjanjian kolaborasi dengan beberapa firma *Venture Capital* serantau termasuk dari Malaysia dan Singapura bagi memudah cara pelaburan pertama dalam perniagaan *startup* tempatan pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,  
mengenai dengan usaha  
mempertingkatkan *ease of doing*

*business* dan keperluan pensejajaran dasar termasuk satu peyelia utama. Memang terdapat pengawal selia ataupun *regulator* bagi aktiviti masing-masing sebagai contoh isu tanah termasuk penyalahgunaan tanah di bawah Jabatan Tanah, isu-isu bangunan di bawah ABCi dan TCP, Fire Safety Order di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk premis perniagaan.

Manakala aktiviti-aktiviti perniagaan di Negara Brunei Darussalam sebelum ini, pernah di kawal selia di bawah *Miscellaneous Licences Act* melalui pemberian lesen perniagaan yang dikenali sebagai Lesen Rampaian yang dikeluarkan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, akta tersebut telah dimansuhkan pada tahun 2016, mengambil kira keperluan untuk mendapatkan lesen tersebut telah memberi kesan negatif kepada kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *Ease of Doing Business*. Selepas pemansuhan *Miscellaneous Licences Act*, beberapa agensi telah mengambil inisiatif untuk mengawal selia beberapa jenis aktiviti perniagaan tertentu seperti *Establishment* Kecantikan dan Kesihatan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan aktiviti perniagaan makanan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam.

Meskipun langkah-langkah ini telah diambil, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan

Ekonomi telah mendapati bahawa ada aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu yang masih belum di kawal selia oleh mana-mana agensi.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah meneliti kesesuaian Perintah Penyelarasan Perindustrian, 2001, Industrial Co-ordination Order, 2001, yang belum pernah dikuatkuasakan sebelum ini dan merancang untuk memindah serta memperluaskan skop ICO 2001 ini. Hasrat pindaan ini bertujuan untuk mewujudkan pengawal seliaan yang lebih menyeluruh terhadap pelbagai aktiviti perindustrian termasuk aktiviti pembuatan perniagaan peruncitan serta aktiviti perindustrian lain.

Dengan pindaan ini ICO 2001 akan dijadikan sebagai rangka kerja pengawal seliaan yang lebih komprehensif teratur dan berupaya menangani aktiviti-aktiviti perniagaan yang masih belum dikawal selia di negara ini. Langkah ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih teratur. Perkara ini juga akan diperkukuhkan lagi dengan pengemaskinian Akta ICO 2001 yang mana pada masa ini dalam penelitian agensi kerajaan yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terakhir namun paling penting. Kejayaan pelaksanaan bergantung kepada pensejajaran dasar-dasar kerajaan secara menyeluruh. Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Sekretariat *Ease of Doing Business*

bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk memastikan *industry road map* dapat menangani cabaran sektor swasta secara efektif sejajar dengan pendekatan *whole of nation*.

Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* akan terus memantau reformasi dan menyokong pembaikan ekosistem perniagaan melalui langkah-langkah utama seperti kerjasama erat dengan sektor swasta dalam penggubalan dasar, penyelerasan prosedur bagi mempercepatkan proses kerajaan, menambahbaikkan sistem atas talian untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta memperluaskan komunikasi dua hala dengan pihak berkepentingan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar, kita tidak boleh leka atau *complacent*, malah menggandakan usaha untuk memperkukuhkan dan meningkatkan lagi ekonomi ke arah mencapai kemakmuran negara dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Kerajaan senantiasa komited untuk meneruskan dasar yang pragmatik, bertanggungjawab dan berorientasikan masa depan bagi memastikan negara kekal sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan *growth-friendly*.

Namun kejayaan ini tidak boleh dicapai oleh kerajaan sahaja. Ini memerlukan sokongan dari semua pihak termasuk sektor swasta, industri, para akademik dan rakyat keseluruhannya. Kita mesti

bekerjasama dalam membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Memastikan setiap dasar yang dilakukan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat dan memastikan tiada pihak yang tercicir dalam arus pembangunan. Dengan pengurusan fiskal yang berhemah, pertubuhan yang inklusif dan komitmen yang teguh, kita pasti akan dapat mencapai keseimbangan fiskal dan kestabilan dan kemampanan ekonomi yang lebih resilien.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Alhamdulillah, kita telah pun selesai membahaskan pada peringkat dasar Rang Undang-Undang dan Usul yang telahpun dikemukakan dan Insya Allah kita akan kemukakan Rang Undang-Undang dan Usul ini kepada Jawatankuasa untuk dibincangkan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, saya kira cukuplah kita bersidang pada hari ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat ini kita tangguhkan. Insya Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 10 haribulan Mac 2025 sebagaimana lazim mulai jam 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahi taufik Walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**